



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN MOTIF BATIK KELANTAN DAN EKSPLORASI  
ILUSI RUANG DALAM PENGHASILAN KARYA CATAN**

**Oleh**

**NUR LAILA LIYANA BINTI YUSOFF**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif  
Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**PERAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

---

Tandatangan

Nama pelajar : Nur Laila Liyana Binti Yusoff

No. Matriks : C17A0231

Tarikh : 22 June 2021

Disahkan oleh:

---

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama kali bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinya, dapat menyempurnakan tugas laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Penulis juga merafatkan kesyukuran kerana dapat mengharungi segala masalah mahupun kekangan sepanjang tempoh menyiapkan tugas tesis ini akhirnya berjaya menjalankan tugasnya dengan baik.

Ribuan penghargaan kepada En Haris Bin Abdul Rahim selaku penyelia tesis kerana telah memberi bimbingan serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini dengan baik. Sepanjang perlaksanaan kajian penyelidikan beliau telah membantu penulis dengan memberi dorongan serta motivasi supaya tidak berputus asa dan melakukan yang terbaik buat kajian penyelidikan ini. Selain itu juga, tidak lupa diucapkan kepada rakan – rakan seperjuangan dalam membantu memberi dorongan dan sokongan dalam melaksanakan kajian ini samada secara langsung atau tidak.

Selain itu juga, jutaan terima kasih kepada penguat tulang belakang penulis iaitu keluarga serta kedua ibu bapa Che Norma Ramli dan Yusoff Bin Daud kerana tidak putus – putus memberi peluang dan ruang serta sokongan yang tidak putus – putus dalam melaksanakan tugas kajian pendidikan ini.

Akhir sekali, sekalung penghargaan buat dan sekalung budi buat yang terlibat dalam Fakulti Teknologi Kreatif dan warisan, dalam Seni Halus kerana memberi peluang untuk saya melaksanakan kajian penyelidikan ini. Sekian, Terima Kasih

# ISI KANDUNGAN

## Contents

<b>PENGHARGAAN</b> .....	3
<b>ABSTRAK</b> .....	6
<b>ABSTRACT</b>	8
<b>1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN</b> .....	13
<b>1.1 PERNYATAAN MASALAH</b>	16
<b>1.2 OBJEKTIF KAJIAN</b>	17
<b>1.3 PERSOALAN KAJIAN</b>	17
<b>1.4 KEPENTINGAN KAJIAN</b>	18
<b>1.5 PENYATAAN ARTIS</b>	19
<b>1.6 ISTILAH</b>	21
<b>1.7 MANFAAT PENYELIDIKAN</b>	22
<b>1. 8. SKOP KAJIAN</b>	23
<b>1.9 DATA</b>	25
<b>1.9.0 JENIS – JENIS DATA</b> .....	25
<b>1.9.1 INSTRUMEN UNTUK MEMPEROLEH DATA</b> .....	26
<b>BAB II</b> .....	27
<b>KAJIAN LITERATURE</b> .....	27
<b>2.0 SEJARAH SENI</b>	27
<b>2.1 BATIK KELANTAN</b>	31
<b>2.2 JENIS JENIS BATIK</b>	35
<b>2.3 MOTIF BATIK MALAYSIA</b>	40
<b>2.3.1 MOTIF FLORA</b> .....	40
<b>2.3.2 MOTIF FAUNA</b>	41
<b>2.3.3 MOTIF GEOMETRI</b> .....	42
<b>2.3.4 MOTIF BUATAN MANUSIA</b> .....	43
<b>2.3.5 KOMPOSISI REKA CORAK MOTIF BATIK</b> .....	44
<b>2.4 CATAN</b>	45
<b>2.5 SENI DIGITAL</b>	47
<b>2.6 PERSPEKTIF</b>	50
<b>2.6.1 PERSPEKTIF LINEAR</b> .....	51
<b>2.6.2 PERSPEKTIF UDARA ATAU ATMOSFERA</b> .....	52

<b>2.6.3 PERSPEKTIF TONA</b> .....	53
<b>2.7 RUANG</b> .....	<b>54</b>
<b>2.7.1 RUANG FIZIKAL</b> .....	55
<b>2.7.2 RUANG ILUSI</b> .....	55
<b>2.7.3 RUANG CETEK</b> .....	56
<b>2.7.4 RUANG MENDATAR</b> .....	57
<b>2.8 BENTUK</b> .....	<b>58</b>
<b>2.9 PERBANDINGAN KAJIAN</b> .....	<b>60</b>
<b>2.9.1 KARYA CATAN BATIK MALAYSIA</b> .....	62
<b>2.9.2 EKSPLORASI KARYA ARTIS RUJUKAN</b> .....	70
<b>BAB III</b> .....	<b>76</b>
<b>METODOLOGI KAJIAN</b> .....	<b>76</b>
<b>3.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN</b> .....	77
<b>3.2 KAEDAH LAMAN SESAWANG</b> .....	78
<b>3.3 KAEDAH TEMU BUAL</b> .....	79
<b>3.4 KAEDAH PEMERHATIAN</b> .....	81
<b>3.5 THEORITICAL FRAMEWORK PROSES ARTISTIK</b> .....	82
<b>3.6 PROSES PENGHASILAN LAKARAN IDEA AWAL</b> .....	84
<b>3.6.1 LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA</b> .....	90
<b>3.6.2 KAJIAN WARNA LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA</b> .....	97
<b>3.6.3 PEMILIHAN LAKARAN KARYA AKHIR</b> .....	100
<b>BAB IV</b> .....	<b>105</b>
<b>ANALYSIS (KARYA AKHIR)</b> .....	<b>105</b>
<b>BAB V</b> .....	<b>123</b>
<b>KESIMPULAN</b> .....	<b>123</b>
<b>ARTWORK EXHIBITION</b> .....	124
<b>RUJUKAN</b> .....	126

## ABSTRAK

Bagi kajian penyelidikan saya kali ini adalah Kajian Motif Batik dan Eksplorasi Illusi Ruang dalam Penghasilan Karya Catan. Bagi kajian ini, saya melakukan kajian berkenaan Motif Batik untuk diterapkan kedalam karya saya sebagai subjek utama dalam karya catan. Kajian ini dihasilkan adalah untuk menggabungkan diantara motif batik serta illusi ruang di dalam karya. Oleh itu, saya telah merujuk beberapa pengkarya atau artis – artis seni catan serta artis batik catan bagi menyempurnakan lagi kajian bagi menghasilkan karya Catan dengan baik.

Batik merupakan satu seni yang muncul pada abad ke -15 lagi. Kemunculan batik ini telah terkenal dan diwujudkan di negeri Kelantan pada seawal tahun 1920 an. Penghasilan seni batik kemudian mendapat sambutan dan diiktiraf sebagai salah satu kraf tangan tempatan dan ini diiktirafkan oleh Majlis Kraf Dunia-Asia. Kemunculan pelbagai aliran seni telah menjadikan masyarakat terutama golongan seni di Malaysia berkembang dalam dunia seninya, Oleh itu, tidak hairanlah di Malaysia telah muncul golongan – golongan karyawan dan pelukis yang lebih kreatif dalam penghasilan karya. Penghasilan seni batik kini telah berkembang maju, jika dahulu motif batik atau batik itu sendiri dilukis diatas permukaan kain menggunakan lilin bagi tujuan digayakan oleh golongan wanita. Namun kini, batik juga telah diolah dan menjadikan ia sebagai satu seni yang kontemporari dimana ia juga dihasilkan bagi bertujuan hiasan atau pameran. Batik bukan sahaja dihasilkan diatas kain dan canvas, malah ia juga dilukis di atas kertas.

Jika dilihat, kini terdapat pelbagai karya yang dihasilkan oleh pengkarya seni dengan menggunakan motif batik itu sendiri dalam lukisan. Hal ini kerana, motif batik itu membawa pengaruh yang tersendiri, selain daripada corak yang berunsurkan fauna, ia

juga menerapkan unsur kesenian di dalamnya dan sudah tentu setiap corak mewakili pada makna – makna tersendiri.

Batik merupakan kata pinjaman dari Jawa, Indonesia iaitu ‘amba dan titik’. ‘Amba’ merujuk sebagai tulis, manakala ‘titik’ pula bermaksud membawa titik. Batik merupakan teknik dimana lukisan itu dilukis keatas kain. Lukisan yang dihasilkan adalah sangat unik dan terang. Batik merupakan satu teknik untuk menghiasi kain dengan rekaan corak yang tersendiri dan setiap lakaran itu mempunyai pengaruh fauna yang mana mempunyai maksud yang tersendiri. Batik juga mempunyai teknik yang tersendiri, dimana lakaran corak yang dihiasi di atas permukaan kain itu dilakar menggunakan titisan lilin. Hal ini adalah bertujuan untuk menghalang warna pada permukaan corak itu menembusi pada corak yang lain. Kajian penyelidikan kali ini melibatkan kajian motif batik Kelantan dan eksplorasi ilusi ruang dalam penghasilan karya catan.

## ABSTRACT

*My research study is about Study of Batik Motif Kelantan and Exploration of space illusion in the production of paintwork. For my research, it will starting research with 'Motif Batik' Kelantan to be applied into my work as the main subject in the painting. This research was produce combine with Motif Batik and illusions in artwork. Therefore, I have referred to some artist painter as well as batik artist to complete the study to produce Catan works well. Batik is an art that appeared in the 15<sup>th</sup> century. The apperances of this Batik has been famous and created in the state of Kelantan in the early 1920s. The production of batik art was later welcomed and recognized as one of the local handicrafts and this was recognized by the World – Asian Craft Council. The emergence of various art streams has made society, especially the arts in Malaysia flourish in the art world. So it is not suprising in Malaysia there have emerged group artist and painters who are more creative in producing works. The production of Batik art has now flourished, if in the past the Motif Batik was painted on the surface of the purpose of being styled by women. But now, batik has also been processed and made it contemporary art where it also produced for decoration or exhibition purposes. Batik is not only produced on cloth and canvas, but it also painted on paper. Nowadays, there are now various works produced by artists using Motif Batik themselves in paintings. This is because, the Motif Batik carries its own influence, apart from the fauna pattern, but it also applies the artistic element in it and ofcourse each pattern represent its own meaning. Batik refers to the word from Jawa Indonesia which mean 'amba' and 'titik'. 'Amba' refers to writing or draw, while 'titik' means carrying a dot. Batik is a technique to decorate the fabric with its own pattern design and each sketch has the influence of fauna which has its own meaning. Batik also has its own technique, where sketches of pattern decorated on the surfaces of the fabric are sketched using wav drops. This is to prevent the colour on the surface of the pattern form penetrating into other patterns. This research study involves the study of Batik Kelantan motifs and the exploration of space illusion in the production of painting.*



## BAB 1

### PENGENALAN

Seni batik merupakan satu seni yang masih diangkat sehingga kini. Dengan penggunaan warna dan lilin pada permukaan tekstil berupaya untuk menghasilkan satu reka bentuk yang estetik. Penggunaan warna bagi seni batik adalah berasaskan pewarna semulajadi atau pewarna moden merupakan bahan utama dalam menghasilkan batik. Penggunaan lilin canting atau blok keatas permukaan tekstil adalah berfungsi sebagai pemisah diantara warna dan corak yang lain. Kaedah yang sering diguna pakai oleh penggiat batik bagi mewarnakan batik adalah dengan menggunakan kaedah berus atau celupan. Kedua – dua kaedah ini boleh menghasilkan satu reka bentuk yang unik. Tambahan lagi, setiap reka bentuk batik mempunyai keunikannya yang tersendiri samada dari segi warna mahupun reka bentuk itu sendiri. Setiap reka bentuk dan penggunaan warna yang dihasilkan pada tekstil sudah pasti akan menghasilkan kelainan pada setiap reka batik tersebut meskipun menggunakan kaedah blok, canting dan sebagainya.

“Batik merupakan salah satu seni tradisi yang mula diamalkan pada sejak zaman kepulauan Melayu dan sehingga kini adat dan budaya tersebut masih diguna pakai terutama masyarakat melayu. Batik bukan sahaja untuk digayakan bahkan ia juga turut dimartabatkan sehingga ia menjadi sebuah seni yang dihargai. Batik pada ketika itu, menjadi satu

pilihan buat masyarakat Melayu dengan mengenakan motif- motif batik untuk dijadikan sebagai kain sarung bahkan sebagai menghiasi ruang badan. Batik bukan sahaja seni reka bentuk semata, bahkan ia turut dijadikan sebagai rutin buat masyarakat melayu bahkan ia dihasilkan bertujuan untuk mengekalkan ciri kemelayuan dalam setiap diri generasi baru serta tidak hilang dek zaman”. (Abdullah.D.2004)

Batik bukanlah seni yang asing lagi, bahkan batik kini telah diangkat sebagai salah satu kraftangan yang mendapat tempat di global. (Theng.C.C,2006) Batik antara salah satu daya tarikan pelancong luar ke negeri Kelantan. Batik ini mula diperkenalkan pada tahun 1910, dan batik merupakan seni yang dipengaruhi oleh jawa, yang mana asal perkataan batik itu sendiri merupakan kata pinjaman dari Bahasa Jawa iaitu ‘Ambatik’. Reka bentuk corak batik ini mempunyai corak yang tersendiri yang mana corak – coraknya dipengaruhi oleh motif organik iaitu pengaruh flora dan fauna serta motif geometrik.

“Kesungguhan Chuah’s dalam bidang seni adalah hasil dari kesungguhan dan minat dalam diri. Dan beliau mendapat inspirasi dari penduduk tempatan pada zaman kolonial Malaya yang mana mereka menghasilkan karya pada potongan kayu. Beliau kemudian menandatangani karyanya ke dalam karya lukisan, kartun, komik, dan lain- lain dengan menggunakan nama samara Chong Ting” (Chong, 2006)

Imej flora yang terdiri daripada motif bunga cempaka, motif pucuk rebung, bunga cempaka, bunga airmata kasih dan lain-lain sering diguna pakai dalam reka bentuk seni batik. Namun begitu motif- motif ini telah diubah suai mengikut kreativiti dan menjadikan ia sebuah hasil yang unik dan eksklusif. Begitu juga reka bentuk yang terdapat pada motif fauna. Motif fauna ini terdiri daripada imej kala jengking, motif rama-rama, motif burung

dan juga motif ayam. Namun begitu ia juga turut diubah suai dari corak asalnya bentuk imej tersebut turut diubah suai menjadikan ia sebagai motif yang menarik mengikut kesesuaian pada reka bentuk tersebut.

Dalam seni, komposisi ruang yang betul amat penting dalam meletakkan komposisi objek dengan tepat. Kegagalan dalam menyusun ruang dan objek akan menimbulkan keganjilan pada ruang. Umumnya, ruang merupakan jarak diantara objek yang menentukan keluasan atau kelebaran. Konsep ruang ini, sering diguna pakai samaada dalam seni fotografi, seni grafik, seni catan mahupun dalam reka bentuk seni bina dalaman dan luar. Terdapat dua jenis ruang yang dikaji, iaitu ruang terbuka atau lebih dikenali sebagai ruang konkrit, dan ruang ilusi atau ruang tampak. Kedua – dua ini mempunyai perbezaan yang ketara. Jika difahami ruang terbuka atau ruang konkrit adalah ruang yang sedia wujud, yang tidak dibina atau diubah suai. Antaranya ialah ruang sebenar yang wujud disekeliling manusia, sebagai contoh alam sekitar, bangunan kenderaan mahupun ruang dipersekitaran. Manakala ruang illusi merupakan ruang yang dicipta, atau sengaja dicipta oleh pengkarya bagi menghasilkan karya seni mereka. Dalam karya seni terutama karya seni catan wujud secara dua dimensi sahaja. Ruang amat penting dalam seni catan atau seni lukisan, kemahiran susun atur ruang dan objek berupaya membentuk sebuah objek dan karya dengan lebih jelas bahkan, ia lebih jelas untuk difahami.

“Ambiguity bermaksud kekaburan, kesamaran, asal dari kata pokok ambiguous yang bermaksud kabur,samar, mempunyai dua atau lebih makna dan tidak tentu. Kebiasaanya ambiguos atau ambiguity dalam

elemen rekaan terdiri daripada ruang positif dan ruang negatif yang terhasil dari dua rupa yang di tinda lalu menghasilkan ruang baru yang samar diantara ruang positif dan negatif. Kebiasaannya dua buah pasu yang diletakan di bahagian kiri dan kanan lalu muncul ruang baru di tengah-tengahnya menjadi rupa orang adalah gambaran yang seringkali dapat menjawab tentang ruang ambiguous” (Zainon Abdullah,2016)

Namun begitu,ia tetap bergantung kepada pengkarya dalam membawa teknik tertentu dan pemahamannya dalam menyampaikan sesebuah karya, terutama catan abstrak. Aliran abstrak mempunyai gaya yang tersendiri dalam mewujudkan ruang samada positif atau ruang negatif. Sebagai contoh karya catan yang dihasilkan oleh Johan Marjonid, dan Zainon Abdullah. Kedua – dua pengkarya ini menghasilkan karya abstrak. Penggunaan warna dan teknik penyusunan objek memainkan peranan yang penting sehingga menimbulkan karya yang estetik.

Oleh itu, pengkaji telah melakukan beberapa kajian berkenaan motif batik memfokuskan kepada motif batik Kelantan serta ilusi ruang. Hal ini kerana objektif pengkaji adalah untuk mengkaji serta menghasilkan karya catan dengan mengaplikasi subjek yang dikaji. Untuk menghasilkan karya catan yang lengkap, pengkaji harus mengkaji serta mencapai objektif yang ingin dikaji. Oleh itu, kajian ini mengkhususkan kajian terhadap reka bentuk, warna serta makna pada setiap corak batik. Melalui kajian batik tersebut, pengkaji akan menerapkan motif yang terdapat dalam batik Kelantan ke dalam karya catan. Karya catan tersebut akan mempunyai unsur pengaruh motif batik Kelantan dan gabungan dengan ilusi ruang. Kajian yang dilakukan ini untuk mencapai objektif pengkaji iaitu mengkaji motif atau jenis batik Kelantan, mengkaji elemen dan ruang dan objektif terakhir adalah untuk menghasilkan karya catan yang lengkap seperti mana kajian batik dan ilusi ruang.

## 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam dunia seni lukis moden, penggunaan teknik, makna, serta motif – motif seni tradisi adalah menjadi kebiasaan bagi pengkarya membuat rujukan seni terutamanya. Seni itu memerlukan rujukan, kajian untuk menghasilkan karya. Suatu karya akan terhasil dengan baik, apabila tujuan karya itu dihasilkan sampai kepada audien. Pada tahun 2005, tanggal 13 disember, Galeri Petronas telah mengadakan pameran ‘Batik *Painting*’ dan pada hari pameran tersebut Zakaria Ali ada berpendapat:

Mereka telah melukis gambar dengan imej – imej yang sudah diterap masuk ke dalam arus perdana seni lukis moden Malaysia. Tambahannya lagi kewujudan kepelbagaian tradisi yang sememangnya berasaskan dari pelbagai sumber dalam menghayati, menyuara serta menghargai bentuk – bentuk alam.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Zakaria Ali, jelas membuktikan batik merupakan salah satu seni tradisi yang berupaya menjadi sebahagian komponen seni lukis moden Malaysia dalam mewujudkan inspirasi – inspirasi baru dalam jiwa pelukis dan penghayat seni. Teknik atau motif batik itu sendiri jelas membuktikan ia adalah suatu seni yang unik untuk kita kekalkan dan ketengahkan sehingga ke generasi yang akan datang. Menurut Sullivan:

Lukisan batik akan menjadi lambang kesenian negara bagi Malaysia, bahkan akan menjadi salah satu kesenian yang cukup sempurna di dunia.

Tambahan lagi, kenyataan tersebut disokong oleh Engku Aziz yang berpendapat bahawa:

Nada lukisan – lukisanya, warna – warnanya dan bentuk – bentuknya berdampingan mesra dengan kehidupan kita dan Cahaya alam. Rekaan – rekaanya dan garis – garisan itu menjadikan ianya satu reka bentuk yang menarik dan tepat.

Namun demikian, seni batik kini telah banyak dimodenkan atau diperbaharui dari segi teknik mahupun corak pada batik tersebut. Jika dahulu, reka bentuk corak batik yang sering dihasilkan menampilkan unsur kemelayuan pada bentuk dan corak susunan di dalamnya. Namun kini, batik telah pun menjadi satu saingan, baik dari segi sektor keusahawanan mahupun reka bentuk.

Reka bentuk atau corak memainkan peranan dalam memastikan seni batik itu terus mendapat tempat di hati masyarakat. Jika kita lihat, generasi muda mempunyai citarasanya yang tersendiri dalam pemilihan gaya bagi memastikan ianya mengikut gaya terkini serta mengikut seiring dengan gaya semasa. Maka tidak hairanlah jika batik Indonesia sering mendapat tempat dari kalangan anak muda kerana corak atau reka bentuk yang terkini.

Mengikut kepada keratan akhbar metro, seni batik kini juga telah dimodenkan mengikut arus sezaman. Batik kini menjadi saingan apabila timbul generasi baru yang kurang memartabatkan seni Batik itu sendiri, atau dalam kata lain seni batik kini sudah kurang digemari oleh generasi muda disebabkan corak atau reka bentuk yang tidak dimodenkan. Namun begitu, rata – rata reka bentuk corak batik kini telah diolah menjadi

ia satu seni yang menarik, serta sering digayakan dengan pelbagai cara oleh generasi kini, samada batik itu digayakan pada majlis formal atau tidak.

Tambahan lagi, pemasalahan bagi kajian ini juga, pengkaji mendapati kurangnya artis atau pengkarya yang menghasilkan seni batik dalam catan. Karya catan merupakan antara karya seni yang sering dihasilkan oleh artis dan tokoh di Malaysia. Namun begitu, permasalahan nya, apabila kurangnya sumber rujukan karya – karya catan yang menerapkan motif batik di dalamnya.

Kurangnya minat dan sokongan kepada kraf batik dalam golongan generasi muda untuk mendalami dan mempelajari mengenai seni warisan batik. Melalui kajian sumber internet, generasi kini kurang menghargai karya tempatan. Mereka lebih memilih untuk menggayakan batik dari luar seperti Batik di Indonesia. Hal ini kerana, batik yang dihasilkan itu lebih murah selain corak dan warnanya yang bersesuaian oleh generasi muda.

Penghasilan motif atau reka bentuk batik sudah pasti berbeza bagi setiap negeri. Ini mungkin kerana pengaruh yang dibawa oleh penggiat seni batik. Oleh itu dengan menghasilkan corak serta warna batik yang '*up to date*' atau corak yang tidak terlalu sarat, sudah pasti lebih mendapat sambutan oleh generasi kini atau golongan muda. Jika dibezakan antara reka bentuk corak batik kini dan 20 tahun yang lalu, sudah pasti ada perbezaan. Memandangkan, kuasa pembeli kini lebih gemar menilai sesuatu barang dengan apa yang sedang berlaku semasa.



## 1.1 PERNYATAAN MASALAH

Batik painting dan painting batik adalah dua perkara yang berbeza, namun kedua-dua adalah karya seni yang diolah oleh manusia untuk membentuk sebuah karya. Dalam seni batik, bentuk, stail, Teknik dan motif mempunyai peranan penting dalam memaknai sesuatu perkara. Setiap motif yang ditimbulkan mempunyai maksud – maksud yang tertentu sehingga menjadikan ia sebuah karya yang agung. Melalui seni, masyarakat bebas menyuarakan pandangan atau perasaan mereka tanpa harus dibantah. Secara umumnya, batik telah wujud sekitar 60 -an lagi. Kewujudan batik ini secara tidak langsung ia telah wujudnya dua perbezaan terhadap kedua-dua jenis lukisan ini dan menurut pengkaji ia sesuatu yang perlu untuk diterokai di dalam batik painting dan painting batik. Antara pelukis batik painting di Malaysia ialah Chuah Thean Teng, Patrick Ng Kah Onn, Khalil Ibrahim, Tay Mo Leong, dan Ida Ruth Talalla. Mereka ini tergolong dalam kalangan pelukis batik painting kerana karya yang dihasilkan sepenuhnya menggunakan motif batik serta melalui proses yang dalam pembuatan batik.

Oleh itu tidak hairanlah, batik menjadi seni tradisi masyarakat Melayu sehingga mereka mendalaminya dan menghargai bentuk bentuk alam dan melalui itu mereka mulai meluahkan dengan melukis gambar karya sehingga ia diiktiraf ke dalam arus perdana seni lukis moden Malaysia. Batik ini bukan sahaja seni tradisi yang layak dibanggakan bahkan, ia juga turut menjadi inspirasi buat pelukis baru untuk sentiasa mencuba dan eksplorasi sesuatu yang baharu.

Kajian ini juga melibatkan eksplorasi ilusi ruang dalam seni. Pada akhir kajian ini juga, pengkaji akan menghasilkan sebuah karya painting batik yang menerapkan motif batik serta ilusi ruang. Umum mengetahui, ilusi ruang sering juga dikaitkan dengan seni



grafik, arkitek dan juga catan. Namun begitu, dalam konteks pengkaji ini, pengkaji akan menghasilkan karya catan yang mempunyai pengaruh batik Kelantan dan ilusi ruang.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengkaji jenis-jenis reka bentuk dan makna reka bentuk ke atas batik di Kelantan.
2. Eksplorasi motif batik dan ilusi ruang ke dalam bentuk komposisi yang baharu sebagai subjek matter ke atas karya.
3. Menghasilkan karya catan yang menerapkan elemen batik serta ilusi ruang dalam pembentukan reka bentuk yang baharu ke atas catan.

## 1.3 PERSOALAN KAJIAN

- a) Apakah seni batik masih mendapat tempat pada generasi baru?
- b) Adakah seni batik Kelantan boleh dijadikan sebagai subjek utama dalam penghasilan karya catan?
- c) bagaimanakah seni batik berbentuk illusi ruang boleh dihasilkan ke dalam bentuk karya catan.

#### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian seni batik dan illusi yang dilakukan oleh pengkaji telah membantu pengkaji dalam mengenali secara lebih dekat berkenaan dengan seni batik di Kelantan. Sekaligus, dapat memupuk nilai jati diri pengkaji untuk memahami serta menghargai seni batik Kelantan khususnya. Kajian ini telah banyak membantu pengkaji dan membuka mata untuk sentiasa memelihara dan memartabatkan seni tanah air. Hal ini kerana, seni yang diusahakan oleh penggiat seni wajar dibanggakan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja dapat membantu pengkaji dalam menambahkan ilmu pengetahuan, bahkan ia turut membentuk diri menjadi anak jati Kelantan agar sentiasa menghargai hasil seni designer Kelantan yang telah bertungkus lumus dalam mewujudkan karya yang sentiasa diagungkan oleh masyarakat Kelantan khususnya dalam sentiasa memelihara budaya yang sentiasa cintakan kesenian melayu yang telah diadaptasi sejak turun kemurun lagi.

Disamping itu, kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji bukan saja dapat memberi manfaat kepada pengkaji semata. Kajian ini dilaksanakan juga bertujuan untuk membuka mata dan minda audien atau masyarakat untuk sentiasa memelihara kesenian yang telah diusahakan oleh penggiat seni tanah air. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung dapat mendedahkan kepada audien tentang kesenian yang telah menjadi satu budaya yang masih menjadi kebanggaan khususnya buat masyarakat Kelantan.

MALAYSIA

KELANTAN

## 1.5 PENYATAAN ARTIS

Selain menghasilkan batik bagi penggunaan gaya fashion, motif batik juga boleh diketengahkan sehingga mampu menjadi sebuah karya yang setaraf dengan seni keontemporari. Penggunaan motif serta gaya yang dihasilkan dapat diadaptasikan melalui karya- karya catan. Pemilihan atau reka bentuk yang unik boleh mewujudkan sebuah karya agong yang setanding dengan catan lain. Hal ini dapat dilihat melalui karya Intruder (1987) oleh Hashim Hassan. Antara Motif batik yang dihasilkan terdapat dalam karya tersebut ialah, motif flora dan fauna. Penggunaan motif seperti pucuk rebung serta motif imej burung. Antara pengkarya seni yang menggayakan motif batik di dalam karya mereka adalah Khalil Ibrahim dan Fatimah Chik juga merupakan antara pengkarya seni painting batik yang menghasilkan karya lukisan batik yang bertajuk Pantai Timur (1978), manakala karya Fatimah Chik bertajuk The Golden Angle (1982). Tidak kurang hebat juga, karya yang dihasilkan oleh pengkarya seni tanah air iaitu Mastura Abdul Rahman yang memaparkan karya Interior No.29 (1987) yang menerapkan motif reka bentuk batik ke dalam ruangan rumah Melayu. Seterusnya, Ismail zain pula menerapkan elemen motif songket ke dalam karyanya yang bertajuk Ku bunuh Cintaku (1972). Antara karya painting batik yang dihasilkan oleh pengkarya ialah:

MALAYSIA

KELANTAN




Figure 1.0: Pantai Timur (1978) oleh Khalil Ibrahim




Figure 1.2: Antara 2 hidangan 1992, Din Omar

MALAYSIA

KELANTAN

## 1.6 ISTILAH

- **Motif batik Kelantan**

Kajian kali ini melibatkan 2 batasan istilah atau konsep penting yang dikaji oleh pengkaji. Antaranya ialah **Motif Batik Kelantan**. Umum mengetahui seni batik antara Kraf Tangan yang sinonim dengan masyarakat. Bahkan seni tersebut sering menjadi tumpuan bagi pelancong asing yang datang ke negeri Kelantan terutamanya. Pada kajian ini, pengkaji akan mengkaji simbol, atau motif serta makna bagi setiap reka bentuk corak batik sebagai objek utama dalam penghasilan karya catan. Perkataan Batik itu dipengaruhi oleh Bahasa Jawa iaitu ‘amba dan nitik’. ‘Amba’ merujuk sebagai tulis, manakala ‘titik’ pula bermaksud membawa titik.

- **Ilusi ruang dalam karya Catan**

Batasan istilah yang seterusnya ialah **ilusi ruang dalam karya catan**. Ilusi ruang membawa maksud kepada jarak dua objek yang menjadikan kawasan diantara dua objek itu satu keluasan atau keleberan pada saiz. Konsep ruang ini amat memainkan peranan yang penting dalam seni grafik, reka bentuk hiasan dan sebagainya. Ruang ilusi dihasilkan oleh pengkarya seni dalam sesebuah karya yang berbentuk dua dimensi, berupa lukisan atau catan. Dalam seni catan, penyusunan objek itu amat penting supaya subjek yang dikaji itu lebih jelas atau mesej utama yang ingin disampaikan tidak terganggu dengan tambahan objek yang lain. Oleh itu, penyusunan ruang objek penting bagi mencapai subjek utama dengan jelas dan tepat.

## 1.7 MANFAAT PENYELIDIKAN

Kajian adalah perkara terpenting dalam membuat penyelidikan. Manfaat penyelidikan ini bukan sahaja membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah penyelidikan yang lengkap, bahkan ia turut memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Dalam menghasilkan kajian, pengkaji mendapati pelbagai cabaran serta proses yang panjang bagi seseorang pengkarya atau artis untuk mencipta sesebuah karya.

Kajian motif batik Kelantan dan eksplorasi ilusi ruang dalam karya catan ini membantu pengkaji untuk mengolah idea dalam penghasilan karya. Hal ini kerana pengkaji mengkaji dan membuat eksplorasi berkenaan motif batik serta makna bagi setiap reka bentuk batik Kelantan. Pada akhir kajian ini pengkaji akan menghasilkan karya catan yang menerapkan unsur motif batik. Seterusnya, kaedah penyelidikan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pengkaji mendalami ilmu batik, bahkan ia juga turut membantu pengkaji untuk menghasilkannya pada akhir kajian ini nanti

Selain itu, Dengan melakukan kajian penyelidikan ini juga telah membuktikan bahawa seni batik itu bukan sahaja dilontarkan atau diaplikasikan dalam dunia *fashion* atau peragaan semata, namun ia suatu subjek yang mampu kita hasilkan dan cipta hingga menjadikan ia sebuah karya yang unik dengan menggunakan pelbagai kaedah dan medium dalam penghasilannya. Kebiasaanya masyarakat sering mengaitkan batik dengan dunia *fashion*, namun dengan wujudnya kajian penyelidikan ini sedikit sebanyak membuka minda masyarakat bahawa seni itu luas. Sesuatu karya boleh terhasil dengan menarik atau kelainan yang tersendiri mengikut sejauh mana pengkarya itu mendalami atau mengkaji.



Manfaat penyelidikan ini juga bukan sahaja berguna untuk pengkaji, bahkan ia juga bermanfaat untuk pembaca. Selain dapat mengetahui serba sedikit maklumat berkenaan batik, ia juga dapat membantu pembaca cara mengolah idea atau subjek dan jadikan ia sebuah karya catan. Dalam kajian ini, pengkaji akan eksplotasi subjek dan juga menggabungkan antara batik dan ruang ilusi. Oleh itu, dengan adanya kajian penyelidikan ini sedikit sebanyak membuka ruang buat pembaca untuk mengolah idea, samada dari segi teknik atau sudut pendidikan mahupun pengetahuan.

## **1. 8. SKOP KAJIAN**

### **a) BATASAN OBJEK PENELITIAN**

#### **i) MOTIF BATIK KELANTAN**

Batik ialah seni yang menggunakan medium lilin, warna, kain atau kanvas. Bagi akhir kajian ini, pengkaji akan menghasilkan sebuah karya yang menerapkan motif batik Kelantan di dalamnya. Kaedah ini menggunakan media digital dengan mengaplikasikan motif batik serta elemen bentuk geometri bagi membentuk objek geometri dan ruang ilusi ke atas karya catan.

#### **ii) RUANG ILUSI**

Ruang Ilusi dalam karya seni visual. Dalam karya seni terdapat 3 peringkat ruang yang diterjemahkan dalam seni visual. Antaranya lukisan, catan serta rekaan grafik. Bagi projek akhir pengkaji, pengkaji akan

menghasilkan karya catan yang mengaplikasikan ilusi ruang di dalamnya. Dalam karya tersebut pengkaji menerapkan ruang mendatar yang mana berbentuk 2 dimensi. Di dalam karya itu juga, pengkaji menggunakan kaedah digital untuk menghasilkan karya yang lebih menarik yang berpandukan karya rujukan.

**b) BATASAN LOKASI**

- i) Kajian ini akan mengkaji dan merujuk kepada reka bentuk motif batik sekitar negeri Kelantan sahaja.

**c) BATASAN MASA**

- i) Kajian ini akan mengkaji terhadap karya – karya ‘batik painting’ berdasarkan beberapa karya artis tempatan untuk dijadikan sebagai rujukan. Dalam kajian ini juga membataskan tahun bagi karya – karya yang dirujuk iaitu diantara tahun 1990 hingga tahun 2016

**d) BATASAN RESPONDEN**

- i) Pemilihan responden tempatan hanyalah seramai 2 orang sahaja yang dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai rujukan.



- ii) Manakala pemilihan karya pelukis dihadkan sebanyak 3 buah karya bagi setiap pelukis yang dipilih mengikut pada kajian yang ingin dikaji.

**e) BATASAN RUANG**

- i) Kajian ini akan memfokuskan di mana- mana galeri batik sekitar Kelantan serta bengkel – bengkel tempat penghasilan batik sekitar Kelantan.

**1.9 DATA**

**1.9.0 JENIS – JENIS DATA**

Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan keadah kualitatif yang mana melibatkan penyelidikan tinjaun, eksperimen serta kajian pustaka. Melalui kaedah pengumpulan data ini, ia membantu pengkaji untuk mengkaji objektif yang ingin dicapai.

<b>DATA BERBENTUK</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TEKNIK/CARA MENGUMPUL DATA</b>
a) Gambar jenis motif batik serta penghasilan batik	PCB, Kota Bharu, Kelantan	Mengambil rakaman gambar
b) Kajian teks bertulis berbentuk sejarah	Perpustakaan negeri Kelantan dan sumber Internet	Mencatat nota penting seperti fakta, sejarah Batik Kelantan, Motif Batik dan sebagainya.

c) Visual	PCB, Kota Bharu dan sekitar Negeri Kelantan	Temu ramah, dan catatan hasil perbualan
-----------	---	---

*Jadual 1.0: Jenis – Jenis data*

### 1.9.1 INSTRUMEN UNTUK MEMPEROLEH DATA

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen yang membantu pengkaji untuk mengumpulkan data – data yang diperolehi. Antaranya:

<b>Jenis data yang ingin didapati:</b>	<b>Instrumen/ alat:</b>
a) Gambar – gambar batik dan reka bentuk Batik Kelantan	Menggunakan instrumen alatan elektronik seperti kamera, dan Telefon
b) Pendapat / pengkarya seni Batik Kelantan	Buku catatan, <i>digital recorder</i>
c) Sejarah dan fakta mengenai Batik Kelantan	<i>Socmeed, google</i> , laman ilmiah

*Jadual 1.1: Instrumen untuk memperoleh data*

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATURE**

#### **2.0 SEJARAH SENI**

Di dalam masyarakat, terutama dalam konteks kebudayaan Melayu, pengucapan, bentuk pemikiran serta alatan telah meliputi keseluruhan di dalam masyarakat sejak dari dahulu lagi (Yusof W.2006). Menurut A.Aziz Deraman (2001) terdapat empat bidang utama iaitu kesenian, kebendaan, nilai dan norma serta pemikiran. Pemikiran ialah meliputi bahasa, falsafah. Ilmu pengetahuan, Bahasa, falsafah, mitos lagenda kesusasteraan, kepercayaan serta cerita-cerita lisan. Manakala, dalam bidang kebendaan pula ia meliputi seperti senibina bangunan, alatan mesin, perabot, makanan dan lain-lain. Seni merupakan cabang yang luas, seni bukan sahaja melibatkan lukisan, tenunan, ukiran, anyaman dan sebagainya. Namun seni persembahan seperti tarian, teater, lakonan juga merupakan dalam bidang kesenian. Elemen budaya dalam masyarakat telah lama diguna pakai sehingga ia menjadi sebuah tradisi dan menjadikan ia sebagai salah satu subjek atau tema dalam karya seni rupa Malaysia. Tambahan lagi, senibina, motif melayu, peralatan, permainan serta cerita rakyat turut menjadi pilihan buat para pelukis untuk diterapkan ke dalam karya karya mereka. Penghargaan ini telah menjadi satu kebanggan buat masyarakat tempatan. (Arkib Negara Malaysia, 2006). Kaedah dalam penyampaian elemen di dalam karya dapat dilihat secara langsung atau jelas manakala sesetengahnya memerlukan ketelitian analisis dari segi cara pengolahan idea itu disampaikan ke dalam karya

Terdapat beberapa kepercayaan oleh masyarakat pada abad ke 19 yang lalu bahawa lukisan – lukisan potret dahulu dihasilkan oleh pelukis – pelukis selat yang berketurunan Cina dan Melayu untuk melukis gambaran seperti kehidupan tempatan yang berunsurkan flora dan fauna. Disebabkan itu pengembara dari Eropah dan Inggeris meminta mereka menghasilkan karya catan tersebut, tambahan lagi disebabkan kelebihan itu, banyak lukisan atau catan ditempah oleh para pegawai Syarikat Hindu Timur bagi bertujuan sejarah rekod dan minat dalam seni.

Pada zaman *Pre-Raphaelites*, *Turner* dan *Constable*, pihak Inggeris telah memperkenalkan genre lukisan dan catan lanskap dalam aliran *Realisme*. Pengaruh ini berjaya dibawa sehingga abad ke-19 apabila Seni Eropah dan Seni Perancis mula mempengaruhi dengan aliran baru seperti, aliran *Impresionisme*, Kubisme, Surealisme, Futurisme dan aliran Konstruktivisme. Cina antara penyumbang terbanyak sewaktu perkembangan Seni Malaysia dan Singapura, ini berpunca daripada pendatang dan pelawat bangsa Cina Xu Beihong yang telah bermastautin di negeri Pulau Pinang bagi tempoh beberapa tahun. Selain itu juga, mereka ini juga bergerak ke Singapura dan menerima pendidikan Seni Lukisan Kaligrafi di China. Pada awalnya kedatangan China adalah untuk menyara hidup, namun setelah mereka telah bertapak kukuh di Malaysia, barulah munculnya kreativiti artistik mereka. Antara pelukis yang berjaya dalam bidang seni ia lah Lee Kah Yeow, Wang Yau, Reverend Chuk Mor, Reverend Pak Yuen, Chai Horng, Chung Hong Kong dan Zhen Wei Sin. Oleh itu, pada awal tahun 1920an terdapat beberapa pelukis yang mula mempamerkan karya – karya mereka. Pameran Lian Xiao Oh ini mula berlansung pada tahun 1924 bertempat di Singapura, kemudian disusuli dengan pameran pastel He Qui Qo pada tahun 1926.


Pada tahun 1786, terdapat aktiviti – aktiviti seni berlansung di Pulau Pinang yang diketuai oleh Sir Francis di bawah Syarikat Hindia Timur di bawah naungan Syarikat Perniagaan Eropah. Pelukis – pelukis Inggeris yang menetap di Pulau Pinang mula menghasilkan karya yang juga berunsurkan keindahan alam seperti pemandangan laut. Kemudian seni lukis moden mula berkembang pada tahun 1920an sewaktu kumpulan *Penang Impressionist* ini mula ditubuhkan dan kebanyakan yang menyertai kumpulan seni lukis ini adalah golongan bangsa Inggeris yang merupakan seorang suri rumah. Namun setelah berlaku konflik, pelukis – pelukis Pulau Pinang mula dihalang untuk menyertai *Penang Impressionist*. Namun begitu, hanya terdapat dua orang pelukis tempatan yang berjaya menyertai kumpulan pelukis tersebut iaitu Puan Lim Cheng Kung dan Abdullah Ariff. Penerimaan kedua – dua pelukis tempatan ini kerana mereka mampu mempunyai sumbangan dan memerlukan perkhidmatan mereka di dalam kelab pelukis tersebut. Seperti Abdullah Arif merupakan seorang pendidik seni, manakala Puan Lim Cheng Kuang pula merupakan seorang jutawan dan ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kewangan di dalam kelab tersebut.

Kegiatan seni lukis ini terus berkembang pada tahun 1936, dimana munculnya beberapa lagi penggiat seni *Penang Impressionist* Pada tahun tersebut, diadakan lagi satu pameran yang melibatkan undangan dari seluruh Malaysia serta warga Singapura untuk menyertai pameran tersebut. Memandangkan Seni Lukis semakin mendapat tempat dan diterima oleh masyarakat, maka pada tahun 1937 kumpulan *Penang Impressionist* ini mula mengadakan pameran secara tetap. Ini telah memberi peluang kepada golongan – golongan pelukis untuk terus mengembangkan karya masing – masing. Dan oleh disebabkan kejadian ini, pelukis – pelukis telah memberi sumbangan yang positif. Namun begitu, kekemelutan mula terjadi sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua, oleh hal yang

demikian, maka segala bentuk pameran telah dihentikan serta merta dan para ahli dari Eropah telah pun mula berpindah.



*Figure 1.3: Memetik daun tembakau di Kelantan (1962)*  
*Mohd Hoessein Enas*



*Figure 1.4: Menanam padi (1989), Mohd Hossein Enas*





*Figure 1.5: Sang juara (2005), Jaafar Taib*

## **2.1 BATIK KELANTAN**

Batik merupakan salah satu seni kraf tradisional yang masih relevan dan kekal sehingga kini. Reka bentuk, media yang diguna pakai serta alatan dan Teknik penghasilan batik menjadikan ia sebagai satu seni yang unik dan kreatif. Penghasilan karya batik yang kemas dan menarik boleh menjadikan ia sebagai karya batik yang eksklusif sekaligus boleh mengangkat nilai yang tinggi terhadap reka bentuk yang dihasilkan. aktiviti mencanting dan mewarna ini sangat mudah dilaksanakan memandangkan ia memerlukan beberapa peralatan sahaja untuk menghasilkannya.



*Figure 1.6: Aktiviti mencanting batik*

Merujuk kepada sejarah awal batik Kelantan, serta motif reka bentuk yang diguna pakai dalam penghasilan batik. Batik merupakan salah satu bidang kraftangan yang terkenal di Malaysia sejak abad 15. Kemunculan pada awal abad 15, batik diguna pakai dengan kaedah tradisional. Pada zaman dahulu, masyarakat melayu menggunakan ubi kentang sebagai alat utama pengecat. Tetapi kini kain batik telah menggunakan alat- alat moden dalam mengendalikan batik pinja. Batik pada asalnya diperkenalkan di negeri Kelantan khususnya pada tahun 1910. Batik itu merupakan Bahasa man Jawa yang membawa maksud 'Ambatik'. Perkataan jawa 'tik' yang membawa maksud titik. Manakala ambatik membawa maksud melukis, menulis dan mewarna atau menitik. Motif batik pula adalah corak- corak hiasan yang digunakan dalam proses melukis atau menerap batik. Motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama iaitu Motif organik dan Motif Geometrik. Motif organik merupakan corak yang berunsurkan alam semula jadi seperti tumbuh tumbuhan, awan larat, bunga – bunga dan haiwan.

Sebagai contoh motif organik ialah, motif ayam, motif bunga buluh, motif bunga kerak nasi, motif bunga kotak bercampur, motif bunga orkid, motif bunga raya, motif daun sireh, motif geometrik, motif pucuk rebang, motif rama rama, dan motif siput. Manakala motif geometrik pula berbentuk motif pucuk rebung dan motif bunga kotak bercampur. Seterusnya corak kain batik seperti corak berdiri, corak jalur, corak melintang, corak menyerong, corak tompok – tompok, corak ulangan batu – bata dan corak ulangan atau selang seli. Berikut merupakan antara contoh motif reka bentuk Batik





Figure 1.7: Batik Motif Ayam



Figure 1.8: Batik Motif Bunga Orkid



Figure 1.9: Batik Motif Bunga Raya



Figure 2.0: Batik Motif Daun Sireh



Figure 2.1: Batik Motif Rama – rama



Figure 2.2: Batik Motif Geometrik



*Figure 2.3: Batik Motif Pucuk Rebung*



*Figure 2.4: Batik Motif Siput*

Diatas merupakan antara jenis – jenis motif batik Kelantan. Setiap reka bentuk batik itu mempunyai makna tersendiri yang mewakili corak batik. Melalui kajian warna serta reka bentuk batik.

## 2.2 JENIS JENIS BATIK

Seni batik mempunyai 4 teknik yang sering diguna pakai dalam penghasilan reka bentuk batik, antaranya ialah batik blok, batik skrin, batik canting, dan batik pelangi. Keempat Teknik ini mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi reka bentuk.

Batik blok pada awal perkembangan ia diperbuat dari kayu dan diukir sehingga membentuk corak kemudian menerap pewarna hitam semula jadi yang dikenali sebagai 'Terap Hitam'. Batik mula berkembang pada tahun 1920, maka terhasil blok batik yang diperbuat dari kepingan logam bagi menggantikan blok kayu dan kemudian ia mula diguna pakai dengan penerapan lilin bagi menghasilkan corak pada permukaan fabrik. Proses penerapan blok batik ke atas fabrik hendaklah dilakukan secara berulang mengikut susunan dan tataletak motif-motif batik tersebut.

“Teknik blok batik adalah salah satu teknik awal yang digunakan dalam batik. Kaedah ini adalah dengan mengukir rekabentuk keatas blok kemudian dicelup ke dalam lilin dan ditekap keatas kain. Sebelum ini, batik blok diperbuat daripada ubi kentang, kemudian mereka mula sedar bahawa ukiran keatas kentang itu akan mulai rosak beberapa hari kemudian. Setelah itu, mereka mencuba lagi dengan menggunakan kaedah blok keatas kayu, namun ia tetap tidak berhasil kerana kayu akan mengalami kerosakan seperti retak. Kemudian mereka akhirnya menggunakan kepingan zink atau tembaga sebagai pengganti blok, dan kaedah ini digunakan sehingga ke harini. Untuk menghasilkan rekabentuk ke atas blok mengambil masa selama lebih kurang sebulan. Walau bagaimanapun, selepas ia dicop keatas kain, ia akan membuahkan hasil



yang sempurna, akan tetapi ia memerlukan beberapa proses selepasnya”  
(Noor Arfa,2018)




*Figure 2.5: Hafizah, 2010*

Seterusnya adalah batik skrin. Batik skrin ini pada awalnya dipelopori oleh penggiat seni batik di Kelantan, kemudian ia berkembang dan menjadi salah satu teknik yang turut digunakan oleh penggiat seni batik. Penghasilan corak keatas skrin blok uni juga sedikit rumit, Corak pada batik skrin ini direka dalam bentuk digital kemudian menggunakan dicetak keatas fabrik organza dan dilapisi oleh emulsion (gam) kemudian disimpan kedalam bilik yang gelap bagi memastikan corak yang dicetak itu terhasil pada permukaan fabrik organza. Proses ini sama seperti penghasilan filem gambar. Pada awal proses untuk menghasilkan batik ke atas skrin agak rumit, namun begitu setelah proses pengeringan skrin, maka barulah boleh menyediakan warna warna yang ingin diterap. Batik skrin sama seperti menghasilkan batik blok atau canting yang mana lilin menghalang dari penyerapan warna lain memasuki pada permukaan corak yang lain. Dengan Penggunaan batik skrin ini mampu mengeluarkan penghasilan batik yang lebih cepat berbanding dengan kaedah atau Teknik batik yang lain, yang mana memerlukan

penelitian dari segi warna dan sebagainya. Namun begitu, setiap Teknik mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi penghasilan serta kualiti.

“Penggunaan stensil mula diperkenal pada tahun 1939 di Kelantan oleh Mohammad Yusof Bin Hj. Che Su. Jenis batik ini lebih cepat dan mudah untuk dihasilkan akan tetapi harus sentiasa fokus sewaktu menyusun rekabentuk agar tidak lari susunanya” (Noor Arfa, 2018)

“Batik skrin adalah seni kraf yang baru sahaja bermula di Jakarta semenjak 2 tahun lalu, dan Pak Dan mula mempraktikan di Malaysia. Rekabentuk ini bermula dengan cetakan vector kemudian dipindahkan ke atas plastik filem. Tukang yang batik skrin akan memasang kain organza dan disapu dengan lapisan pertama dan diletakkan ke dalam bilik yang gelap yang tidak ditembusi oleh cahaya untuk dipindahkan rekabentuk ke atas skrin. Proses ini sama seperti membuat cetakan keatas gambar. Batik skrin tadi akan direndam ke dalam air sejuk untuk menanggalkan lilin untuk menimbulkan rekabentuk yang dicetak tadi. Kemudian blok cetakan itu akan ditinggalkan selama 1 hari atau lebih bergantung kerumitan rekabentuk tadi. Seterusnya ia boleh terus dicetak ke atas kain mengikut pada warna yang disusun, kemudian kain tersebut hendaklah dikeringkan selepas pindahan warna ke atas kain” (Dan,2018)



*Figure 2.6: Batik Cetak*


Teknik yang seterusnya ialah batik tulis atau lebih dikenali sebagai batik canting. Batik canting ini sudah pastinya menggunakan alatan canting untuk menghasilkan corak pada fabrik. Batik canting juga menggunakan kaedah lilin seperti teknik yang lain. Batik canting ini memerlukan kepakaran bagi mengendalikan canting dan lilin supaya dapat menghasilkan corak yang halus dan lembut. Hal ini kerana, batik canting ini memerlukan ketelitian serta kepantasan dan tahu bagaimana mengawal lilin supaya tidak terlalu nipis atau tebal pada garisan corak. Maka tidak hairanlah batik canting ini dikatan antara yang termahal dalam pasaran kerana ia dilakukan menggunakan kepakaran tangan seseorang untuk menghasilkan corak yang menarik dan terhad.

” Batik canting adalah batik lukis yang menggunakan lilin panas yang dimasukkan kedalam sarang yang dipanggil canting kemudian ia dilukis keatas permukaan kain untuk mencorakkannya. Tukang canting ini haruslah bersedia kerana apabila melakukan kesilapan ia sukar untuk memadamnya kerana lilin tersebut sudah menyerap keatas permukaan kain. Selepas lilin tersebut kering, maka proses mewarna boleh dilaksanakan.” (Noor Arfa,2018)



*Figure 2.7: Mencanting batik*

Teknik yang terakhir adalah batik pelangi. Batik pelangi mula diperkenalkan oleh Minah Pelangi. Beliau merupakan penduduk yang berasal dari Terengganu. Teknik ini mula diperkenalkan pada tahun 1793-1808 pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin. Kemudian Teknik Batik pelangi terus mendapat sambutan sehingga ia masih dikekalkan sehingga kini. Batik pelangi merupakan salah satu teknik batik yang tidak menggunakan lilin. Penghasilannya hanyalah menggunakan teknik ikat dan celup, corak yang terhasil lebih kepada corak abstrak. warna yang dihasilkan itu adalah bergantung kepada bilangan ikatan dan celup pada pewarna. Kebiasaanya batik pelangi ini tidak diguna pakai bagi majlis rasmi, namun batik pelangi ini juga boleh menjadi sebagai batik yang eksklusif jika ia diolah dengan mencanting pada permukaan terlebih dahulu sebelum ia dicelup ke dalam pewarna fabrik.



*Figure 2.8: Batik Pelangi*



## 2.3 MOTIF BATIK MALAYSIA

Motif batik Malaysia lebih dipengaruhi oleh corak alam sekitar. Motif ini terhasil oleh pemikiran dan pengaruh masyarakat melayu terhadap persekitaran mereka. Setiap objek yang berada disekeliling merupakan adalah unik dan mempunyai estetika yang tersendiri. Oleh itu, mereka mula menerapkan serta menghasilkan corak tersebut ke dalam motif batik dan ini menjadi satu kesepakatan bagi mereka untuk menjadikan alam sekitar sebagai ilham bagi motif batik itu terhasil. Antara motif alam yang digubah menjadi ragam hiasan ialah, unsur flora, unsur fauna, unsur geometri, unsur buatan manusia.

### 2.3.1 MOTIF FLORA

Unsur flora ini terbentuk melalui ilham bunga- bunga atau akar. Sebagai contoh motif flora, bunga, daun, ranting, pucuk dan kudup. Bagi motif ini ia mempunyai kaedah tersendiri bagi memastikan kedudukan corak flora itu berada pada komposisi yang betul. Sebagai contoh, jika batik sarung hendaklah motif tersebut disusun menjalar datar bagi membentuk lengkok lembut pada corak. Manakala daun dan bunga hendaklah disusun dengan menegak. Setiap komposisi hendaklah diletakkan corak yang bersesuaian bagi menghasilkan motif batik yang bertepatan.



*Figure 2.9: Batik menjalar*



*Figure 3.0: Batik bunga air mata kasih*






*Figure 3.1: Batik bunga angerik*

### 2.3.2 MOTIF FAUNA

Seterusnya adalah motif fauna. Motif fauna ini diilhamkan melalui bentuk haiwan seperti motif kumbang, rama-rama, ayam rusa, bangau, kijang, ikan dan sebagainya. Motif ini kebiasaannya tidak dilukis secara realistik dan ia diubah dari segi gaya dan corak, ini kerana bagi menghormati agama islam. Motif fauna ini banyak diguna pakai sejak dahulu lagi. Reka bentuk yang kompleks dan motif batik yang memenuhi di setiap penjuru kain, menjadikan ia lebih unik.



*Figure 3.2: Motif burung*



*Figure 3.3: Motif burung merak*



*Figure 3.4: Motif kumbang*



*Figure 3.5: Motif rama-rama*




*Figure 3.6: Motif ayam*

### 2.3.3 MOTIF GEOMETRI

Motif geometri ini berfungsi sebagai hiasan pada kaki kain. Hiasan garisan halus serta motif seperti pinggir awan, motif banji, motif parang rosak dan sebagainya bersesuaian untuk disusun pada gigi kain bagi menampakkan kekemasan reka bentuk batik tersebut. Untuk menghiasi batik memerlukan kemahiran dalam menyesuaikan motif yang sesuai untuk digabungkan dengan motif yang lain. Untuk menghiasi motif

Panjang, motif yang bersesuaian untuk digunakan adalah motif kawung yang disusun seperti empat bentuk bujur. Motif geometric juga sering ditambah dengan gaya organic, contohnya jika susunan segi empat akan digabungkan dengan gaya organic seperti bunga, binantang, unggas dan sebagainya. Motif campuran ini menampakkan keunikan pada motif geometri tersebut dan reka bentuk tersebut juga tidak kelihatan terlalu bosan



*Figure 3.7: Motif kawung*



*Figure 3.8: Motif swastika*



*Figure 3.9: Motif banji*

#### **2.3.4 MOTIF BUATAN MANUSIA**

Motif buatan manusia ialah reka bentuk yang dicipta oleh manusia. Motif ini kebiasaanya digunakan untuk hiasan batik ela. Reka bentuk yang



moden ini juga diguna pakai dan kebiasaanya ia direka dalam bentuk tabur. Seperti reka bentuk tabur yang dapat dilihat oleh pemakai kaftan batik. Kaftan batik tabur kini telah menjadi pilihan golongan muda. Sebagai contoh reka bentuk cup cake, kartun. Reka bentuk ini kelihatan seperti tidak logik atau berbeza dengan motif asal batik pada zaman dahulu. Namun batik tabur kini lebih mendapat sambutan. Contoh motif batik buatan manusia seperti kampung, wau, jaring ikan dan abor.



*Figure 4.0: Batik Wau*

### **2.3.5 KOMPOSISI REKA CORAK MOTIF BATIK**

Kekemasan reka bentuk batik adalah bergantung kepada cara penyusunan komposisi motif batik itu sendiri. Penyusunan komposisi reka bentuk yang tepat dan bersesuaian akan menimbulkan lagi keindahan motif dan reka bentuk tersebut. Komposisi ini juga hendaklah dikenal pasti sebelum menghasilkannya. Beberapa jenis susunan motif batik yang digunakan pakai dalam pembuatan batik ialah, komposisi berdiri, berjalur, catur, melintang, menyeluruh, serong, tompok – tompok atau terabur, ulang bersilang dan ulang batu bata. Susunan bagi setiap kain itu berbeza, jika susunan motif untuk bahagian badan motif disusun lebih bebas.

## 2.4 CATAN

Pada era kini, seni catan bukan lagi sesuatu yang asing, bahkan ia masih lagi mendapat tempat dalam kalangan anak-anak muda yang mula berjinak dalam dunia seni. Bahkan seni catan kini dilihat sebagai sebuah karya yang juga harus diberi penghargaan. Dari segi teknik, dan isu yang ingin disampaikan. Seni halus merupakan salah satu bidang yang berupaya mencorakkan ilusi, pengalaman atau rasa dan dipersembahkan melalui corak, lukisan, bentuk dan sebagainya.

Buat penggiat seni, setiap garis atau bentuk yang dilakukan itu harus dipertanggungjawabkan, atau dalam erti kata lain setiap apa yang kita hasilkan mewakili kepada apa yang kita luahkan. Seni Catan antara salah satu karya seni yang berlaku pada zaman Yunani Purba lagi, yang mana pada zaman tersebut manusia mula melukis pada dinding gua, batu, mozek dan fresko sebagai simbolik dalam menyebarkan ilmu-ilmu keagamaan. Pada kurun ke-17, setelah zaman Yunani berlalu, seni halus mula mengikut rentak peredaran zaman, pengkarya mula mencipta media atau bahan yang baru bagi menghasilkan sebuah karya. Antara media yang diguna pakai ialah seperti cat minyak, air, tempera dan fresko. Seni halus pada ketika itu mula mendapat nama sehingga kurun 19 dan 20 sehingga kini, dan ia telah muncul beberapa aliran baru yang mana ada golongan yang menentang pemikiran tradisi yang digunakan pakai sebelum kurun ke-19. Antara aliran catan yang berlaku pada ketika itu ialah aliran Klasik, *Barroque*, *Romantisme*, *Impressionisme*, *Post-Impressionisme*, *Ekspressionisme*, *Kubisme*, *Surelisme*, dan *Seni Pop*.



Figure 4.1: Impressionisme




Figure 4.2: Post - Impressionisme




Figure 4.3: Surrealisme



Figure 4.4: Romantisme



Figure 4.5: Ekspressionisme



Figure 4.6: Kubisme





*Figure 4.7: Klasik*

air mengalir  
sampai jauh....



*Figure 4.8: Pop*

## 2.5 SENI DIGITAL



*Figure 4.9: Seni digital*

Seiring dengan kemajuan teknologi dunia, seni kini juga dilihat semakin berkembang maju. Seni digital tidak kurang hebatnya. Kemampuan dalam menghasilkan karya digital kini lebih dijunjung, kerana kebolehannya dalam menghasilkan karya samada gambar, suara, animasi, video game mahupun web. Teknik yang digunakan sudah pasti

berbeza berbanding menghasilkan karya menggunakan bahan seperti, pen, cat dan sebagainya. Banyak disipilin dalam penggunaan teknologi digital dan komputer sehingga ia mewujudkan perbezaan diantara seni konvensional dan seni kontemporari. Hal ini kerana definisi seni digital itu sendiri membawa maksud teknologi digital merupakan sebahagian seni kreatif dan proses persembahan sesebuah karya. Kewujudan seni digital ini telah lama bermula sejak 1960, dan ia mula diperkenalkan di oleh pengkarya barat. Seni digital ini mula diterima sejak dahulu lagi di negara – negara barat. Oleh itu, mereka lebih mengangkat karya digital sebagai seni moden mereka. Seni digital adalah proses menghasilkan karya menggunakan komputer dan seni multimedia. Maka tidak hairan seni digital ini diangkat sebahagian dari seni media baru.

“Seni digital boleh jadi dihasilkan sepenuhnya menerusi komputer, atau diambil dari sumber lain seperti dimbas dengan mesin pengimbas atau foto digital atau imej yang dilukis menggunakan perisian vector graphics, tetikus atau graphic tablet. Contohnya karya Nasyid (1998) oleh Ismail Zain yang dianggap sebagai pelopor bentuk perkembangan seni digital di Malaysia “(Nur Wajihah,2010)

“Seni digital adalah perantaraan yang berkesan meluahkan daya cipta seseorang. Dengan penggunaan komputer dan perisian yang canggih, ia mampu memberi kebebasan kepada pelukis untuk berkarya dengan lebih kreatif “(Nabihah Hamid,2015)


Pengkarya seni digital telah banyak menggabungkan seni konvensional dengan seni digital dan ia telah wujud di merata tempat. Ini boleh dilihat di beberapa buah tempat museum yang diperkenalkan oleh pelukis terkenal iaitu James Faure Walker, George Grie dan Johnn Lansdown.



*Figure 5.0: Fraktal Sterling, Joan Shogren, 1963*



*Figure 5.1: (mem)bayang maksud, Ismail Zain (1988)*



*Figure 5.2: Andy Warhol*

UNIVERSITI  
 MA  
 KELANTAN

## 2.6 PERSPEKTIF


Perspektif merupakan satu teknik yang diperkenalkan pada zaman Renaissance di Florence, Itali pada awal tahun 1400-an. Jika sebelum ini seni halus banyak digambarkan melalui representasi hidup yang realistik. Pada zaman tersebut seni telah menjadi suatu kebanggaan, oleh itu pengkarya atau artis – artis seni ini menghadapi masalah dalam lukisan dan seni bina.

Perspektik adalah satu teknik dalam kita menentukan sesuatu ruang itu berada dalam komposisi yang betul atau tidak. Perspektif ini sangat penting, kerana ia secara tidak langsung membantu imej untuk kelihatan jelas atau wujud pada dimensi nya, dalam seni visual terdapat beberapa jenis perspektif. Artis sering menggunakan persepektif bagi mewakili objek – objek tiga dimensi samada di atas permukaan kertas mahupun kanvas. Dengan menggunakan kaedah perspektif ini, lukisan tersebut akan kelihatan lebih natural dan realistik. Dalam mencipta ilusi ruang dan kedalaman pada permukaan rata, teknik perspektif ini yang sering diguna pakai oleh pengkarya. Antaranya perspektif yang sering dirujuk adalah perspektif linear, ilusi optic, serta titik lenyap yang membuatkan objek itu kelihatan lebih kecil dari sudut pandangan yang jauh. linear lurus, linear berbalik, panorama, sfera, tonal (warna, pencahayaan), udara dan persepsi. Setiap jenis perspektif mempunyai perbezaan antara satu sama lain samada secara visual atau simentik mahupun dalam kandungan.



## 2.6.1 PERSPEKTIF LINEAR

Perspektif linear adalah terdiri dari garis cakrawala pada titik mata, titik hilang dan juga garis yang tertumpu pada titik hilang yang dipanggil sebagai garis lurus bagi menghasilkan ilusi ruang serta jarak pada permukaan dua dimensi. Perspektif linear ini akan menampakkan objek lebih kecil atau berkurang pada jarak pemerhatian. Gambaran dibawah merujuk kepada contoh perspektif linear:



*Figure 5.3: Winter Mood, by Leonid Afremov*



*Figure 5.4: Vertigo by Fabio Giampietro*

Seterusnya, perspektif juga terdapat pada 3 jenis asas iaitu, satu mata, dua mata dan tiga mata. Ketiga-tiga jenis ini merujuk kepada jumlah titik lenyap yang diterapkan dalam lukisan bagi tujuan mencipta ilusi perspektif dan kebiasaanya perspektif yang sering diguna pakai adalah perspektif dua mata.

Selain itu juga, perspektif terdiri daripada satu titik lenyap. Titik lenyap ini akan wujud pada sisi objek seperti bangunan. Kemudian, dua titik perspektif pula menggunakan satu titik luntur (*faded point*) yang diletakkan pada kedua-dua bahagian subjek, seperti sebuah lukisan dimana terdapat sudut bangunan yang menghadap pada arah penonton. Perspektif yang ketiga pula, ialah perspektif tiga titik. Perspektif tiga titik ini adalah untuk melihat subjek dari atas atau di bawah. Kesan perspektif tiga titik (titik lenyap) ini akan menampakkan kesan tiga arah.

### **2.6.2 PERSPEKTIF UDARA ATAU ATMOSFERA**

Perspektif atmosfera ini kebiasaanya ditampikan atau diterapkan pada permukaan yang tinggi dan jauh seperti lukisan gunung. Seperti kita lihat, gunung pada jarak yang jauh ia kelihatan warna biru kehijauan, serta menampakkan objek lebih sedikit atau tidak kelihatan terperinci. Hal ini kerana, penonton melihat objek tersebut dari sudut pandang jauh. Oleh itu berdasarkan pengaruh atmosfera, ada beberapa artis yang membuat karya gaya pengaruh optik pada permukaan kertas dan kanvas.

KELANTAN





*Figure 5.5: Saisage Party Concept Arr, by Barry Jackson*

Contoh gambar diatas merupakan perspektif sfera. Teknik perspektif ini menggunakan lensa *fisheye*. Gambaran seperti ini menampilkan gambaran atau imej tersebut kelihatan seperti berbentuk bulat atau atmosfera dan imej yang memanjang.

### **2.6.3 PERSPEKTIF TONA**

Perspektif tona ini bermaksud, perubahan dari segi warna kontra ia melibatkan kadar pengcahayaan pada objek. Kebiasaanya kontra warna ini akan kelihatan apabila pemerhatian dari jauh atau kesan pencahayaan matahari. Penggunaan kontra warna amat penting dalam catan bagi membezakan antara objek. Selain itu juga, perspektif tona juga, adalah bertujuan untuk mewujudkan objek tersebut kelihatan lebih realistik berbanding penggunaan warna yang sekata atau rata. Bagi menyokong ulasan tersebut, Leonardo da vinci berpendapat:

“Visi dan persepsi manusia itu ditentukan supaya objek yang terdekat dilihat lebih jelas dan gelap. Sementara, objek yang plaing jauh adalah objek yang kelihatan tidak jelas dan pucat.”



*Figure 5.6: Building of a city, by Purnendu Mandal*

## 2.7 RUANG

Ruang adalah jarak diantara objek yang wujud di dalam alam nyata dan juga di dalam karya seni visual. Objek yang berada di hadapan kelihatan lebih jelas dan besar berbanding objek yang berada di bahagian belakang. Dalam karya seni, ruang itu sangat penting dan ia diwujudkan melalui kekuatan susunan objek, warna, jalinan, rupa serta bentuk objek.

Terdapat beberapa jenis ruang, antaranya Ruang fizikal. Ruang fizikal merupakan ruang yang terdapat di persekitaran. Ruang fizikal ini juga terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu ruang terbuka dan ruang tertutup. Ruang terbuka bermaksud suatu kawasan yang lapang dan luas. Manakala ruang tertutup pula suatu kawasan yang sempit dan terhad. Berikut merupakan contoh ruang terbuka dan tertutup:

### 2.7.1 RUANG FIZIKAL



*Figure 5.7: Ruang Terbuka: lapang dan luas*



*Figure 5.8: Ruang tertutup: sempit dan terhad*

### 2.7.2 RUANG ILUSI

Seterusnya adalah Ruang Ilusi dalam karya seni visual. Dalam karya seni terdapat 3 peringkat ruang yang diterjemahkan dalam seni visual. Antaranya lukisan, catan serta rekaan grafik. Tiga peringkat tersebut merupakan ruang dalam, ruang cetek dan ruang rata.

Ruang dalam melibatkan kesan penggunaan perspektif warna, perubahan saiz dan bentuk dalam hasil karya seni seperti lukisan dan

catan. Kajian bagi ton warna serta perubahan saiz akan memperlihatkan kesan ilusi ruang bergerak samaada ke luar atau ke dalam mengikut pada arah cahaya itu dipantulkan serta nilai ton warna yang terdapat dalam karya atau lukisan.



*Figure 5.9: Bergerak ke dalam*

### **2.7.3 RUANG CETEK**

Seterusnya adalah ruang cetek. Ruang cetek merupakan ruang yang wujud dalam lingkungan yang terbatas sama ada dari dinding ke dinding atau ruang seperti dalam sesebuah bilik. Contoh dibawah adalah catan yang memaparkan ruang cetek:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





*Figure 6.0: Ruang Cetek*

#### **2.7.4 RUANG MENDATAR**

Manakala mendatar rata memperlihatkan ruangan rata dan sama pada suatu garisan ufuk. Ruang rata kebiasaanya terhasil dalam karya, terutama catan. Berikut merupakan contoh karya ruang rata



*Figure 6.1: Ruang rata*

## 2.8 BENTUK

Ruang dapat mempengaruhi saiz dan warna. Objek dihadapan kelihatan lebih besar berbanding objek yang terletak di bahagian belakang. Nilai warna memainkan peranan penting dalam mempengaruhi jarak ruang dan kedalaman sesuatu gambaran tersebut.



*Figure 6.2: Ruang, warna*



*Figure 6.3: Ruang, perspektif, warna dan kedalaman*

Dibawah merupakan Antara karya catan yang menerapkan ruang ilusi. Pada karya Cinta Vidal ini wujudnya beberapa perspektif menjadikan ianya sebuah karya yang unik.

KELANTAN





*Figure 6.4: 'Home, 2016' by artist Cinta Vidal*



*Figure 6.5: 'Together Alone 3, 2016'*



*Figure 6.6: 'Blue*

*Neighborhood, 2016''*

*By artist Cinta Vidal*

*By artist Cinta Vida*

MALAYSIA

KELANTAN

## 2.9 PERBANDINGAN KAJIAN

Perbandingan kajian merupakan salah satu kaedah penyelidikan bagi menyempurnakan kajian selidik selain membantu menguatkan hujah pada kajian yang dilakukan. Berdasarkan kajian penyelidikan ini pengkaji telah membuat beberapa perbandingan kajian motif batik dalam penghasilan karya catan.

Menurut kajian dari Wan Nurul Hasyati Mohd Pauzi dan Tajul Shuhaizam, **2018** “Setiap rekaan motif diolah bukan tujuan hiasan pada satu kain putih tetapi motif – motif yang terbentuk mempunyai nilai simbolik dan makna bagi mewakili atau melambangkan ciri – ciri setiap satu. Reka corak motif yang diulang untuk mengisi ruangan pada kain bagi mewujudkan nilai keindahan”

Berdasarkan kajian Harozila Ramli, **2019** ”Batik mempunyai motif – motif yang membangunkan sehelai kain. Motif – motifnya saling berkait dengan kehidupan Melayu. Dalam sehelai kain mempunyai satu metamorphosis, dan kesemuanya di ceritakan dalam sehelai kain. Setiap motif mempunyai makna dan boleh berdiri dengan sendiri dan mempunyai lapisan makna pula. Memilih batik sebagai subjek *matter* kerana melihat batik ada kesinambungan untuk menampakkan ‘*Malaysian Art*’ “. Jelas Mohamed Najib Dawa tentang minatnya yang mendalam terhadap seni batik.

Seterusnya perbandingan kajian daripada Harozila Binti Ramli, **2007** Daripada keindahan yang hanya terdapat pada pakaian yang menunjukkan status si pemakainya, batik juga telah berubah dari segi konsepnya, mengikut konsep tradisi kesenian barat iaitu catan batik menjadi hiasan – hiasan seperti dinding galeri atau pejabat, hotel – hotel atau juga sebagai hiasan di dinding rumah – rumah mereka. Pendapatnya lagi, perubahan bentuk dan fungsi batik terjadi kerana adanya faktor perubahan zaman, penggantian

generasi, pengaruh kebudayaan barat dan teknologi moden. Perubahan ini merupakan cerminan dari keperluan dan apresiasi masyarakat moden. Dengan adanya keistimewaan teknik pembuatannya serta harmoni susun atur motif mengarap dan merakamnya ke dalam sebuah cerminan lukisan. Berdasarkan kajian penyelidikan tersebut, ia juga telah disokong oleh T.K Sabapathy bahawa:

“... apresiasi dan pembicaraan tentang ‘lukisan batik’ tertakluk kepada konsep dan terminologi yang diperolehi dari lukisan. Misalnya, karya – karya demikian dibentuk, dibingkaikan dan digantungkan untuk tonton seperti lukisan. Tema, motif dan pendekatan kepada ciptaan tertakluk kepada lukisan. Teknik batik tradisonal diubahsuai dengan hasrat mematuhi peraturan – peraturan seni lukis “

### 2.9.1 KARYA CATAN BATIK MALAYSIA

TAHUN	KARYA	ARTIS	TAJUK	MEDIUM	SAIZ
1990		Chang Fee Ming	Monsoon Has Gone	Watercolour	56 x 76cm
1992		Din Omar	Antara Dua Hidangan	Mix Media	214 x 107cm
1997		Chang Fee Ming	What About Me	Watercolour	37 x 53cm



2007		Chang Fee MIng	The Knot	Watercolor and mix media on paper	87 x 107cm
2014		Zainon Abdullah	Nyanyian angin lagu deru deruan daunan	Akrilik	36 x 48cm
2019		Zainon Abdullah	Puisi Alam 1	Akrilik	220 x 158cm

Table 1.2: Karya catan batik Malaysia





*Figure 6.7: Nama Artis : Chang Fee Ming*

*Tajuk: Monsoon Has Gone*

*Tahun: 1990*

*Saiz: 56cm x 76cm*

Rekabentuk sesuatu karya amat penting dalam mempengaruhi imej atau objek untuk memastikan ianya berada pada komposisi yang betul. Begitu juga dalam penghasilan batik, komposisi rekabentuk yang tepat akan menghidupkan lagi sesebuah karya yang dihasilkan. Karya Chang Fee Ming yang bertajuk 'Monsoon Has Gone' ini terdapat beberapa elemen dan prinsip reka bentuk yang dihasilkan ke dalam karya. Antaranya ialah garisan menegak pada permukaan dinding. Manakala objek diletakkan pada tengah-tengah menimbulkan penegasan pada subjek tersebut. Objek yang ditimbulkan berbentuk dua dimensi, tambahan lagi pengkarya jugak menerapkan motif batik pada subjek utama dan bayang untuk membentuk dimensi.



*Figure 6.8: Nama Artis: Din Omar*

*Tajuk: Antara 2 Hidangan*

*Tahun: 1992*

*Saiz: 214cm x 107cm*

Pengkaji memilih karya Din Omar yang bertajuk Antara 2 hidangan kerana pengkaji tertarik dengan komposisi yang diaplikasikan di dalam karya ini, dan pengkaji akan mengaplikasikan teknik komposisi ini ke dalam karyanya. Elemen bentuk yang terdapat dalam karya ialah berbentuk empat segi tepat. Dan jika diperhatikan pada komposisi yang disusun itu terdapat pengulangan rekabentuk seperti geometri, gelas dan empat segi yang saling bertindih sehingga menimbulkan illusi pada ruang tersebut. Pengkaji tertarik dengan komposisi yang ditonjolkan di dalam karya ini, dan pengkaji berminat untuk merujuk Teknik komposisi ini ke dalam karyanya. mewujudkan unsur ruang ilusi di dalamnya. Ia dilihat apabila bentuk empat segi itu saling bertindih dan ini membentuk geometri yang menarik.



*Figure 6.9: Nama Artis: Chang Fee Ming*

*Tajuk: What About Me*

*Tahun: 1997*

*Saiz: 37cm x 53cm*

Karya ke tiga adalah karya Chang Fee Ming yang bertajuk 'What about me'. Karya ini dipilih sebagai rujukan pengkaji untuk diaplikasikan ke dalam karya akhir. Pada pemerhatian pengkaji, karya ini, terdapat emosi sedih yang digambarkan pada ekspresi wajahnya. Disamping itu juga penggunaan ruang latar depan yang berlatarkan figura disebalik kain batik menimbulkan lagi penegasan pada imej tersebut. Objek dekat dilihat lebih besar berbanding objek kapal dibelakang. Pengolahan idea ini dilihat lebih jelas dengan komposisi yang disusun, tambahan lagi penyusunan ruang yang dapat dilihat diantara subjek utama dan latar belakangnya. Warna panas dan sejuk memainkan peranan penting dalam menyampaikan emosi karya tersebut. Ia dapat dilihat, pada seraup wajah kanak-kanak perempuan yang digayakan dengan warna coklat serta separuh wajahnya ditutupi dengan kain batik.





*Figure 7.0: Nama Artis: Chang Fee Ming*

*Tajuk: The Knot*

*Tahun: 2007*

*Saiz: 87cm x 107cm*

Seterusnya adalah karya Chang Fee Ming yang bertajuk The Knot. Karya ini menarik perhatian pengkaji untuk dijadikan sebagai rujukan karya akhir kerana, elemen warna yang disampaikan ke dalam karyanya. Warna terang seperti merah, kuning dan warna gelap menimbulkan lagi imej batik tersebut tambahan lagi dengan ketelitian pada rekabentuk corak kain tersebut. Selain itu, pengkaji tertarik pada Teknik yang diaplikasikan ke atas surat khabar di latar belakang. Garisan pada objek dan warna hitam putih pada latar belakang menimbulkan lagi suasana klasik, seperti mana rekabentuk batik yang digayakan oleh masyarakat setempat.

KELANTAN



*Figure 7.1: Nama Artis : Zainon Abdullah*


*Tajuk: Nyanyian angin lagu deru deruan dedaun*

*Tahun: 2014*

*Saiz: 36cm x 48cm*

Karya rujukan yang seterusnya adalah karya Zainon Abdullah. Pengkaji memilih karya ini kerana gaya dan warna yang ditekankan pada karya menghidupkan gaya abstrak. Garisan yang berulang menimbulkan estetik pada karya tersebut. Karya abstrak yang digabungkan dengan rekabentuk garis dan empat segi memberi inspirasi kepada pengkaji untuk mengaplikasikan ke dalam karya akhirnya. Penggunaan warna sejuk menyifatkan ketenangan manakala garisan yang beralun membawa pada motif batik. Oleh itu, karya ini sesuai untuk dijadikan rujukan bagi projek akhir catan iaitu bertajuk motif batik Kelantan dan eksplorasi ilusi ruang.





*Figure 7.2: Nama Artis: Zainon Abdullah*

*Tajuk: Puisi Alam 1*


*Tahun: 2019*

*Saiz: 220cm x 158cm*


Yang terakhir adalah karya Zainon Abdullah yang bertajuk Puisi Alam 1. Pada karya ini pengkaji tertarik untuk dijadikan sebagai rujukan bagi karya akhirnya kerana penyatuan pada elemen visual tersebut. Elemen seperti huruf jawi dan kontra warna padanya menampakkan karya tersebut saling melengkapi. Meskipun huruf jawi tidak terlalu menonjol namun begitu ia tetap dapat menyampaikan idea dengan menarik kerana tarikan warna yang harmoni serta rekabentuk garisan dan objek yang terdapat pada dahan pokok. Unsur islamik yang disampaikan secara abstrak ini menyentuh pengkaji untuk mengaplikasikan teknik ini pada karya akhirnya.

## 2.9.2 EKSPLORASI KARYA ARTIS RUJUKAN

Ekspolorasi karya ini adalah karya yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mengeksplorasi dengan lebih terperinci. Dengan eksplorasi ini, pengkaji dapat mengenal pasti dengan lebih jelas untuk diaplikasikan ke dalam karya akhirnya yang bertajuk Motif batik Kelantan dan eksplorasi ilusi ruang ke dalam karya. Pada akhir karya, pengkaji akan menghasilkan karya catan berdasarkan rujukan dan kajiannya. Karya ini dipilih adalah berdasarkan teknik komposisi, warna dan ruang yang diaplikasikan di dalam karya. Terdapat 3 pilihan karya rujukan yang dipilih untuk dijadikan sebagai rujukan iaitu, Antara 2 hidangan (Din Omar), The Knot (Chong Fee Ming) dan Puisi Alam 1 (Zainon Abdullah).




Karya di atas adalah karya yang dipilih oleh pengkaji untuk menilai bahan, dan elemen yang digunakan oleh artis rujukan untuk dijadikan rujukan ke dalam karya pengkaji, dimana pengkaji ingin mengaplikasikan kaedah yang dilakukan oleh artis rujukan ke dalam karya. Reka bentuk dan komposisi Corak geometri yang disusun oleh pengkarya menarik minat pengkaji untuk mengaplikasikan ke dalam karyanya kerana rekabentuk tersebut bersesuaian dengan subjek utama yang berunsurkan islamik. Manakala corak batik, yang dihasilkan oleh pengkarya adalah bertepatan seperti mana kajian yang dibuat oleh pengkaji untuk diaplikasikan ke dalam karya akhir. Motif batik Kelantan merupakan subjek pilihan pengkaji untuk dihasilkan ke dalam karya. Seterusnya adalah teknik media campuran yang membentuk sebuah bungkusan nasi menarik minat pengkaji untuk diaplikasikan teknik tersebut. Teknik ini dilihat lebih menarik dan estetik untuk dijadikan sebagai rujukan pengkaji.



Karya seterusnya adalah, dari artis rujukan Chang Fee Ming. Karya ini dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai rujukan kerana terdapat 3 aspek yang menarik minat pengkaji untuk diaplikasikan ke dalam karya akhir. Antaranya ialah motif batik, motif batik yang dibawa oleh artis rujukan ini memperlihatkan unsur kemelayuan, begitu juga lukisan yang terdapat pada keratan akhbar tersebut. Teknik yang diguna pakai menarik minat pengkaji berikutan tajuk yang dibawa oleh pengkaji berkaitan batik Kelantan dan terdapat unsur spiritual di dalamnya. Lukisan dan keratan akhbar pada latar belakang menampakkan karya tersebut lebih klasik dengan penggunaan warna. Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk mengolah dan mengaplikasikan Teknik yang digunakan oleh artis rujukan untuk diaplikasikan ke dalam karya akhir.





Karya rujukan terakhir adalah dari artis Zainon Abdullah, bertajuk Puisi Alam 1. Pengkaji menyelidik karya ini bertujuan untuk dijadikan sebagai rujukan untuk diaplikasikan ke dalam karya akhirnya yang bertajuk motif batik Kelantan dan ekplotasi ilusi ruang. bersesuaian dengan tajuk akhir pengkaji, pengkaji telah mengkaji beberapa teknik dan elemen yang terdapat dalam karya ini antaranya ialah penggunaan warna. Warna yang lembut dan terang menimbulkan emosi terhadap penonton. Warna yang kontra menimbulkan lagi estetik karya tersebut, dan ini pengolahan warna ini bersesuaian dengan konsep yang ingin diaplikasikan ke dalam karya akhir pengkaji yang ingin menghasilkan karya yang membawa emosi ketenangan. Elemen yang terakhir adalah subjek huruf jawi yang diaplikasikan oleh artis rujukan itu dengan mengenakan teknik seperti abstrak dan ini memerlukan ketelitian dari sudut penghayatan. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk mengaplikasikan teknik pengolahan huruf jawi serta



komposisi yang disusun ke dalam karya untuk dijadikan rujukan serta mengaplikasikan ke dalam karya akhir pengkaji.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 DATA KUALITATIF**

Kaedah metodologi bagi tajuk ini adalah kajian bersifat kualitatif yang mana melibatkan kajian kes. Kajian kualitatif ini bermaksud kaedah penyelidikan yang menekankan objektif yang ingin dicapai melalui pengumpulan dan analisis data. Kaedah penyelidikan ini juga bersifat eksperimen yang melibatkan pemboleh ubah pada kajian bagi membolehkan penyelidik mencapai objektif. Penggunaan ujian statistik terhadap suatu kajian adalah sebagai salah satu usaha untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan maklumat dari sumber internet selain melakukan eksperimen bagi mencapai objektif yang ingin dicapai. Kajian Kes ini berlaku diantara eksplorasi dari 2 subjek iaitu batik Kelantan serta ilusi ruang. Eksplorasi ini membolehkan pengkaji menghasilkan karya catan berdasarkan objektif tersebut. antara pemboleh ubah dalam suatu penyelidikan. Kaedah kualitatif ini dilakukan melalui pemerhatian temu bual di antara pengkaji dan penemu bual yang menghasilkan batik. Selain itu juga, kajian kualitatif ini juga dilakukan melalui pengumpulan data melalui kaedah perpustakaan, pemerhatian, dan temubual.

### 3.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN



*Figure 7.6: Perpustakaan Awam Negeri Kelantan*

Kajian perpustakaan ini dilakukan di Perpustakaan Awam Negeri Kelantan. Kaedah ini adalah untuk menyokong kajian yang dikaji, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah rujukan antaranya dengan menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendokong dan mencari maklumat yang tepat buat rujukan. kaedah perpustakaan sedikit sebanyak telah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan dan memperolehi informasi dengan lebih meluas mengikut fakta yang sahih berkenaan Batik painting dan sejarah batik. Di Perpustakaan Awam Negeri Kelantan juga ada menyediakan beberapa jurnal buku, dan buku-buku berkenaan topik yang dikaji batik serta dan seni ruang. Oleh itu, dengan adanya buku – buku tambahan dari perpustakaan sudah pasti membantu pengkaji untuk menyediakan penyelidikan dengan lebih baik.

### 3.2 KAEDAH LAMAN SESAWANG





Figure 7.7: Rujukan website

Selain kaedah perpustakaan, pengkaji juga menggunakan melakukan kaedah laman sesawang. Kaedah ini merupakan salah satu kemudahan bagi pengkaji untuk mencari maklumat tambahan. Laman sesawang merupakan lubang dalam mencari maklumat di hujung jari. Tambahan lagi, kegawatan pandemik virus COVID-19 yang berlaku di negeri Kelantan khususnya telah menghadkan pergerakan pengkaji untuk mencari maklumat secara bersemuka. Namun begitu, teknologi kini telah membantu pengkaji untuk mencari maklumat di hujung jari. Pencarian maklumat pada laman

sesawang yang sahih serta rujukan dari jurnal-jurnal pendidik juga secara tidak langsung dapat membantu pengkaji mencari maklumat dengan lebih baik. Antara laman sesawang yang diguna pakai adalah, My Metro online, jurnal, Berita Online, artikel serta laman sesawang yang boleh dijadikan sebagai rujukan yang tepat.

### 3.3 KAEDAH TEMU BUAL



*Figure 7.8: Temubual dan Praktis canting keatas sutera*

Seterusnya adalah kaedah temubual. Temu bual merupakan salah satu kaedah yang sesuai untuk pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih. Hal ini kerana, kaedah temu bual membantu pengkaji untuk melihat gambaran pembuatan batik dengan lebih jelas tambahan lagi, dapat melihat bagaimana kaedah dan teknik yang diguna pakai untuk pembuatan batik. Carian maklumat secara temu bual, bukan sahaja membantu pengkaji untuk mendapatkan informasi dengan lebih tepat, bahkan ia juga memberi sedikit pengalaman kepada pengkaji untuk menjiwai lukisan batik itu sendiri dan ini sudah tentu sedikit sebanyak membantu dalam menghasilkan karya di akhir projek.

Dalam kaedah ini, pengkaji telah temubual beberapa orang yang berkemahiran dalam bidang seni batik serta pengusaha batik Kelantan iaitu Encik Ariff dan Cik Halim.



Dalam kaedah temubual ini, pengkaji telah menemubual tentang beberapa soalan berkaitan dengan seni batik, iaitu dari segi pengalaman mereka dalam menceburi bidang seni batik, teknik canting, teknik warna serta proses penghasilan. Di bawah merupakan tembu bual antara pengkaji dan pembuat batik Kelantan

### **Dialog 1 (Pengkaji dan Encik Ariff)**

**Pengkaji 1:** “Encik bagaimana proses untuk menghasilkan batik yang berkualiti, dan apakah prosesnya rumit?”


**Encik Ariff:** “Prosesnya agak rumit sekiranya tidak biasa melakukannya. Untuk menghasilkan batik yang berkualiti, pemilihan kain adalah penting untuk memastikan kepuasan si pemakai, kebiasaanya pemilihan kain cotton dan sutera yang sentiasa menjadi kegilaan orang ramai. Namun begitu kedua-duanya mempunyai nilai yang jauh berbeza, kerana kualiti dan proses yang rumit. Seterusnya ialah, pewarna. Untuk menghasilkan warna yang cantik adalah menggunakan warna asli dari tumbuhan, namun begitu nilainya terlalu tinggi dan kebanyakan mereka lebih memilih memakai warna sintetik. Setelah itu adalah proses mencanting, sebelum mencanting, lilin yang hendak dipakai hendaklah dalam keadaan sederhana panas agar dapat menghasilkan rekabentuk yang lebih berkualiti. Gagal dalam mengendalikan canting akan merubah rekabentuk yang sebenar. Setelah selesai, batik tersebut sedia untuuk diwarnakan dan dikeringkan. Dan yang terakhir adalah proses mematikan warna

### Dialog 2 (Pengkaji dan Encik Halim)

**Pengkaji:** “Adakah batik abstrak menggunakan teknik yang sama dengan batik canting?”

**Encik Halim:** Bergantung pada rekabentuk. Seseengah rekabentuk memerlukan penggunaan canting, seseengah hanya menggunakan kaedah ikat celup. Setiap kaedah adalah bergantung kepada rekabentuk yang nak dihasilkan. Ada yang menggunakan berus yang dicelup ke dalam lilin yang panas kemudian direnjiskan keatas fabrik.

### 3.4 KAEDAH PEMERHATAN




*Figure 7.9: Turun lapangan ke pameran batik, dan pembuatan batik*

Kaedah pemerhatian ini dibuat adalah untuk melihat sendiri bagaimana proses penghasilan batik Kelantan. Di, samping untuk merasai sendiri pengalaman dalam

penghasilan batik. Kaedah pemerhatian juga dibuat adalah bertujuan untuk menimba ilmu dalam mengkaji motif batik yang bersesuaian dengan karya akhir yang ingin dilakukan oleh pengkaji pada akhir kajian ini. Dalam masa yang sama, pengkaji juga dapat mengukur pemboleh ubah penyelidikan ini.

Dalam kajian ini, pengkaji telah melawat pusat kraftangan batik yang terletak di Tunjung, Kelantan. Melalui pemerhatian tersebut pengkaji dapat melihat proses pembuatan batik, dari kaedah mencanting, mewarna batik sehingga pada kaedah mematkan warna. Pemerhatian ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan lagi data maklumat serta fakta yang diperolehi oleh pengkaji.

### 3.5 THEORITICAL FRAMEWORK PROSES ARTISTIK



**Jadual 3.5.1: Theoretical framework proses artistik**

Theoretical framework proses artistik, pengkaji telah melakukan kajian secara berperingkat untuk mencapai objektif kajian penyelidikan motif batik Kelantan dan



ekplorasi ilusi ruang dalam penghasilan karya catan. Pemilihan tajuk ini dilakukan adalah berdasarkan persetujuan serta nasihat dari penyelia projek penyelidikan iaitu Encik Haris Bin Abdul Rahim. Selepas pemilihan tajuk ini dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti masalah dan objektif bagi kajian ini motif batik dan ekplorasi ilusi ruang.

Berikut merupakan proses kajian sebelum menghasilkan karya, sebelum kajian ini diteruskan pengkaji terlebih dahulu membuat beberapa kajian sebelum menghasilkan karya akhir. Setelah pemilihan tajuk karya, pengkaji melaksanakan beberapa kajian bahan visual bagi memudahkann pengkaji untuk menentukan karya akhir. Proses seterusnya ialah menentukan tema untuk menghasilkan karya akhir. Dalam proes ini pengakaji akan memilih karya atau artis rujukan melalui koleksi karya mereka yang berkaitan dengan tajuk kajian dan tema.

Seterusnya, setelah pengkaji mengumpul data artis rujukan, pengkaji menghasilkan lakaran bagi idea awal, lakaran perkembangan dan kajian warna bagi lkaaran perkembangan idea. Kemudian, hasil daripada lakaran idea tersebut pengkaji akan memilih diantara karya yang terbaik untuk dijadikan sebagai karya akhir digital.

### **3.6 PROSES PENGHASILAN LAKARAN IDEA AWAL**

Proses penghasilan lakaran idea awal adalah hasil daripada inspirasi pelukis Din Omar yang menghasilkan karya painting batik serta menerapkan elemen ruang di dalamnya. Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan pencarian maklumat terlebih dahulu untuk mengembangkan idea yang sedia ada, dengan mengumpulkan maklumat data dari kaedah pemerhatian.






Figure 8.0: Lakaran 1

Gambar rajah 8.0.1 menunjukkan lakaran catan 1. Idea ini diinspirasi dari surah **At-Taubah ayat 104**. Pengkaji meletakkan subjek huruf jawi iaitu **'ta, wau, ba, ta'** sebagai subjek UTAMA di tengah – tengah karya. Pengkaji cuba menghasilkan subjek ta, wau, ba, ta sebagai **penanda aras** di dalam lukisan sebagai **focal point**. Manakala, Elemen geometri di tengah – tengah subjek digunakan sebagai element **'disturbance of eyes'** untuk mewujudkan background di belakang subjek utama. Lakaran ini menggabungkan motif batik dan ilusi ruang di dalam lakaran tersebut.



*Figure 8.1: Lakaran 2*

Seterusnya gambar rajah 8.1.2 menunjukkan lakaran catan 1. Idea ini diinspirasi dari surah **At- Taubah ayat 104**. Pengkaji meletakkan huruf jawi iaitu ‘**ta, wau, ba, ta**’ sebagai subjek utama yang menjadi **penanda aras** kepada penegasan. Pengaruh ruang serta motif batik juga diterapkan ke dalam karya catan ini. Selain dari elemen geometri yang memenuhi ruang belakang pada subjek utama. Pengkaji menerapkan pengulangan subjek huruf jawi ‘**wau**’ pada latarbelakang subjek utama untuk merujuk kepada kecintaan, keinginan, kerinduan seseorang terhadap sesuatu yang ingin dimilikinya.



*Figure 8.2: Lakaran 3*

Seterusnya gambar rajah 8.2.3. menunjukkan lakaran catan 1. Idea ini diinspirasikan dari surah **At- Taubah ayat 104**. Pengkaji meletakkan huruf jawi iaitu ‘**ta, wau, ba, ta**’ sebagai subjek utama, manakala pada latar belakangnya adalah berbentuk geometri. Pengkaji menonjolkan **ilusi ruang** dan **bentuk geometri** yang mewakili rekabentuk dalam islam dengan menggabungkan pelbagai komposisi dan pengulangan geometri.







Figure 8.3: Lakaran 4

Seterusnya gambar rajah 8.3.4. menunjukkan lakaran catan 1. Idea ini diinspirasi dari surah **At- Taubah ayat 104**. Pengkaji meletakkan huruf jawi iaitu ‘**alif, lam, ta, wau, ba, ta**’ dan pengulangan huruf ‘**wau**’ sebagai penanda aras penegasan. Manakala subjek utama dalam karya ini adalah huruf jawi ‘**wau**’ dilakarkan pada tengah – tengah karya menjadikan ia sebagai subjek yang dominan. Seterusnya, elemen geometri yang dapat dilihat pada lakaran bulatan. Objek geometri tersebut sebagai ‘**disturbing of eyes**’ yang diaplikasikan oleh pengkaji pada background subjek utama.




*Figure 8.4: Lakaran 5*

Seterusnya gambar rajah 8.3.5. menunjukkan lakaran catan 1. Idea ini diinspirasi dari surah **At- Taubah ayat 104**. Pengkaji meletakkan huruf jawi iaitu '**alif, lam, ta, wau, ba, ta**'. Lakaran ini juga pengkaji mengaplikasikan **corak geometri**, yang membawa kepada **simbolik kesenian islam** dengan bermotifkan **pengulangan corak**.


UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

### 3.6.1 LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA




Gambar rajah 8.5 di atas merupakan perkembangan lakaran idea karya digital. Pada lakaran ini pengkaji telah membuat perkembangan idea dari segi komposisi serta warna yang dilakukan melalui proses digital. Huruf jawi '**alif,lam,ta,wau,ba,ta**' diletakkan pada komposisi tengah-tengah diwarnakan dengan warna hitam agar kelihatan lebih dominan berbanding visual yang lain . Manakala, **pengulang objek** bagi huruf '**wau**' adalah sebagai penegasan bagi lakaran idea tersebut. Pada lakaran ini juga, pengkaji melakarkan bentuk geometri segi empat tepat pada latar belakang objek utama serta menggabungkan dengan **warna panas dan sejuk** seperti merah, kuning, biru, oren, untuk menimbulkan lagi kesan **emosi** pada lakaran idea tersebut. Pengkaji juga mengaplikasikan Motif batik di dalam lakaran




Gambar rajah 8.6 pula pengkaji meletakkan huruf jawi ‘wau’ sebagai objek yang paling dominan. Objek yang diletakkan pada tengah- tengah komposisi dilihat lebih mudah beinteraksi bagi menyampaikan tujuan idea tersebut. Manakala penggunaan warna putih pada setiap huruf jawi dan **elemen geometri** mewakili kepada makna penyucian. Warna panas seperti merah, kuning, oren serta **kombinasi warna** sejuk menjadikan rekaan lakaran tersebut lebih timbul dan ia dapat dibezakan dengan objek utama. Pada lakaran idea ini juga, pengkaji turut meletakkan prinsip **pengulangan objek** sebagai simbolik penegasan idea yang terdapat pada huruf jawi iaitu ‘wau’ yang terletak pada background subjek utama. Motif batik pula disusun pada tengah – tengah ruang untuk memberi **keseimbangan** pada objek dihadapannya.






*Figure 8.7: Lakaran digital 3*

Pada gambar rajah 8.7 pengkaji memilih huruf jawi '**wau**' sebagai objek yang dominan dalam karya. Objek '**wau**' di tengah – tengah komposisi karya merupakan **subjek utama**, manakala huruf '**alif,lam,ta,wau,ba,ta**' merupakan penanda aras bagi penegasan. Manakala bagi penggunaan warna pula pengkaji memilih **warna – warna sejuk** seperti putih, biru, kuning sebagai **ekspresi emosi**. Kemudian pengkaji juga cuba menerapkan motif batik dan **elemen geometri** sebagai estetika karya.




Pada gambar rajah 8.8, pengkaji memilih huruf jawi '**wau**' sebagai subjek UTAMA. Di dalam karya ini, pengkaji mengaplikasikan rekabentuk yang berbeza, dimana karya tersebut dilakarkan dengan pandangan '**top view**' ini dapat dilihat pada perspektif ruang tingkap dan dinding bilik. Latar belakang dilihat sebagai '**disturbing of eyes**' bertujuan untuk menimbulkan estetika karya. Selain itu juga, pengkaji juga cuba mengaplikasikan warna – **warna sejuk** seperti biru, putih begitu juga dengan pemilihan warna batik tersebut. Pemilihan warna sejuk untuk menimbulkan **kesan emosi** pada karya.




Rajah 8.9 perkembangan idea lakaran digital. Pada karya ini, pengkaji menggunakan **kombinasi warna** panas dan sejuk seperti hijau dan kuning, oren dilihat lebih dominan dalam karya ini. Penggunaan warna hijau pada huruf jawi 'wau' mempunyai makna kedamaian seperti mana merujuk pada makna Seruan Ilahi bermaksud panggilan dari pencipta. Tambahan lagi, pengkaji juga menggunakan illusi ruang dengan menghasilkan idea karya dari sudut pandangan atas '**top view**' sehingga menimbulkan perspektif yang dapat dilihat pada visual dinding dan kayu seri ditengah-tengah karya.

Di dalam karya ini juga, pengkaji mengaplikasikan **elemen geometri** seperti segi empat tepat yang divisualkan dalam bentuk sejadah serta bulatan yang melingkari ruang tengah pada karya tersebut. Penggunaan elemen geometri ini dalam karya ini adalah sebagai **focus point** diantara visual yang lain.



Gambar rajah 9.0 pengkaji menghasilkan lakaran digital yang juga mempunyai elemen sama seperti batik dan huruf jawi, bersesuaian dengan tajuk kajian. Pada lakaran karya ini, pengkaji memilih huruf jawi ‘**wau**’ sebagai subjek utama dan menjadikan ia sebagai objek yang dominan diantara yang lain. Tambahan pula penggunaan **warna kontra** diantara warna panas dan sejuk menjadikan objek tersebut telbih tertumpu oleh pemerhati. Dalam karya ini, pengkaji juga meletakkan **elemen geometri** dan motif batik pada permukaan dinding tersebut. Untuk menimbulkan penegasan pengkaji meletakkan objek seperti **telapak kaki** yang menjadi simbol pada penyatuan. Sejadah dan **pengulangan huruf jawi ‘wau’** merupakan simbolik yang mewakili unsur spiritual keagamaan. Dan yang terakhir adalah objek tangga dan ‘**top view**’ mewujudkan ruang ilusi di dalam karya





Lakaran seterusnya pada gambar rajah 9.1 Lakaran ini dinspirasi oleh artis Zainon Abdullah yang menghasilkan karya berbentuk abstrak. Untuk lakaran kali ini, pengkaji mengekalkan huruf jawi sebagai subjek UTAMA dan motif batik didalamnya. Pada lakaran ini, pengkaji menyusun huruf jawi pada **komposisi tengah** iaitu huruf 'alif, lam, ta, wau, ba, ta', manakala motif batik dilakarkan pada background objek. Untuk menimbulkan kesan emosi, pengkaji menggunakan **warna kontra** panas dan sejuk, disamping itu pengkaji menggunakan Teknik seperti splash dan menghasilkan **elemen geometri** untuk beberapa lapisan. Kaedah ini mewujudkan 'disturbing of eyes' pada objek utama tersebut. Seterusnya pengkaji juga meletakkan objek **pengulangan huruf** 'wau' yang seakan memantulkan pada number 9. Pengulangan objek ini bewarna putih adalah penegasan kepada simbolik.




Figure 9.2: Lakaran digital 11

Gambar rajah 9.3 merupakan lakaran digital yang terakhir. Bagi karya ini, pengkaji menggunakan huruf jawi sebagai subjek UTAMA iaitu '**ta,wau,ba,ta**' yang juga dipetik dari surah At – Taubah ayat 104. Didalam karya ini, pengkaji memasukkan **unsur kemelayuan** iaitu dengan meletakkan motif batik di dalamnya. Manakala bagi warna, pengkaji lebih mengekspresi kan warna sejuk yang membawa kepada **simbolik ketenangan**. Tidak ketinggalan juga, **pengulangan objek** huruf jawi 'wau' bewarna hitam yang menjadi penegasan kepada objek. Pada lakaran ini juga, **nilai warna** dilihat berbeza merujuk kepada pencahayaan. Pencahayaan ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan objek disekelilingnya. Manakala bagi mendokong kepada idea karya tersebut, pengkaji mengaplikasikan Islamic pattern art pada bahagian teratas.

### 3.6.2 KAJIAN WARNA LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA



(Dipilih)


Figure 9.3: Kajian warna karya ke -1



(Dipilih)

Figure 9.4: Kajian warna Karya ke- 2





(Dipilih)

Figure 9.5: Kajian warna karya ke-3



(Dipilih)


Figure 9.6: Kajian warna karya ke-4

MALAYSIA  
KELANTAN



### 3.6.3 PEMILIHAN LAKARAN KARYA AKHIR

Pemilihan lakaran karya akhir ini dipilih oleh pengkaji setelah pengkaji melakukan beberapa perkembangan idea. Melalui perkembangan idea tersebut, pengkaji telah memilih 4 karya terbaik sahaja untuk dijadikan sebagai karya akhir. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan komposisi dan pengolahan idea yang dilakukan lebih bertepatan dan lebih menarik. Karya yang dihasilkan ini merupakan hasil dari rujukan karya artis. Pengkaji telah mengaplikasikan beberapa teknik seperti komposisi, warna dan sebagainya. Artis rujukan yang cuba diaplikasikan adalah dari artis seperti Din Omar, Mastura Abdul Rahman, dan Zainon Abdullah. Ketiga – tiga artis ini dijadikan rujukan pengkaji untuk menghasilkan karya dengan sempurna. Disamping itu juga, pengkaji juga ada menerapkan elemen seperti batik, ruang illusi, serta elemen geometri bagi menyokong kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji pada kajian ini iaitu mengkaji Motif Batik Kelantan dan Eksplorasi ilusi ruang ke atas karya catan digital. Antara karya yang dipilih ialah karya 1 Seruan Ilahi, karya ke- 2 Wakaf Cinta, karya ke- 3 Path I, dan karya yang terakhir adalah bertajuk Path ii.



*Artist: Nur Laila*

*Title: Seruan illahi*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 9.6: Karya 1*

Bagi karya pertama ini pengkaji meletakkan tajuk seruan ilahi. Seruan ilahi adalah membawa maksud panggilan agong terhadap hambanya yang beriman kepadaNYA. Di dalam karya ini, pengkaji menitik beratkan unsur islamik didalamnya, seperti yang dapat dilihat pada objek sejadah dan huruf jawi yang terdapat dalam visual karya tersebut. Manakala tiang seri ditengah merupakan simbolik kepada unsur tradisi yang sering dilihat pada setiap rumah kayu. Bagi warna pula, mengkaji lebih memilih warna kontra diantara warna panas dan sejuk seperti warna oren, biru, kuning, putih dan hitam. Kombinasi warna ini akan menimbulkan emosi pada karya tersebut, manakala elemen geometri yang berbentuk bulat itu adalah sebahagian jalan penceritaan karya Seruan Ilahi.



*Artist: Nur Laila*

*Title: Wakaf Cinta*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 9.7: Karya 2*

Karya yang kedua adalah bertajuk Wakaf Cinta. Makud wakaf cinta ini adalah persinggahan. Pada jalan cerita ini, pengkaji menggunakan beberapa unsur seperti motif batik, spiritual (keagamaan) dan tradisi. Di dalam karya ini, pengkaji menggunakan elemen geometri yang membawa kepada simbolik Islamic art. Manakala, huruf jawi yang berada di tengah-tengah ruang dan perulangan objek pada ruang tangga merupakan penegasan bagi penceritaan karya. Seterusnya adalah penggunaan warna, warna merah, kuning brown merupakan tambahan emosi untuk penonton lebih menghayati. Manakala penggunaan ruang, pengkaji memilih sudut 'top view' yang mana teknik ini diinspirasi oleh artis Mastura Abdul Rahman.



*Artist: Nur Laila*

*Title: Path i*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 9.8: Karya 3*

Karya ke tiga bertajuk 'Path I'. tajuk ini merupakan kesinambungan bagi karya wakaf cinta dimana pengkaji mengekalkan jalan penceritaan serta unsur spiritual dan motif batik di dalamnya. Untuk karya kalini, pengkaji menggayakan aliran abstrak pada karyanya yang diinspirasi oleh artis Zainon Abdullah. Di dalam karya ini, pengkaji memilih penggunaan warna panas untuk menyampaikan emosi kepada penonton. Manakala, penggunaan huruf jawi merupakan unsur islamik yang turut membawa maksud penceritaan dalam surah At- taubah ayat 104. Yang terakhir adalah pengulangan objek. Pada ulangan huruf 'wau' diubah menjadi pelbagai komposisi sehingga menimbulkan 'optical illusion' yang berbeza seperti penggunaan nombor 9 di dalamnya.





*Artist: Nur Laila*

*Title: Path ii*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 9.9: Karya 4*

Karya yang terakhir yang dipilih oleh pengkaji adalah bertajuk 'Path ii'. Pada karya terakhir ini merupakan kesinambungan dari karya Path ii. Ia merupakan pengakhiran jalan penceritaan bagi keempat karya tersebut. Di dalam karya ini, pengkaji meletakkan unsur spiritual (keagamaan) seperti penggunaan huruf jawi. Di dalam karya ini juga, pengkaji mengekalkan motif batik di dalamnya yang menjadikan sebagai simbolik masyarakat kaum melayu terutamanya. Penggunaan pengulangan objek seperti huruf jawi juga tidak ketinggalan, pengulangan ini adalah simbolik kepada penegasan jalan penceritaan tersebut. Manakala kontra warna mewakili kepada emosi.

## **BAB IV**

### **ANALYSIS (KARYA AKHIR)**

Di dalam bab empat ini, pengkaji menggunakan teori Edmund Feldman iaitu dengan kaedah ulasan, analisis, interpretasi dan penilaian sebagai kaedah ulasan bagi setiap karya yang dihasilkan Pada bab empat ini, pengkaji akan menceritakan secara terperinci karya itu dihasilkan. Karya akhir ini dihasilkan berdasarkan kajian motif seni batik dan eksplorasi ilusi ruang. hasil daripada kajian tersebut, pengkaji menghasilkan empat buah karya untuk dibawa ke akhir kajian. Kajian yang dihasilkan merupakan idea sepenuhnya dari pengkaji, disamping rujukan karya artis rujukan seperti Mastura Abdul Rahman, Zainon Abdullah, dan Din Omar. Ketiga-tiga artis mempunyai gaya tersendiri dalam menyampaikan karya, oleh itu pengkaji berminat dengan Teknik dan komposisi yang diaplikasikan artis ke dalam karya mereka. Oleh demikian, pengkaji meminjam beberapa kaedah kemudian mengolah daripada Teknik konvensional kemudian di hasilkan menggunakan digital.



*Artist: Nur Laila*

*Title: Seruan illahi*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 10.0: Karya 1*

Seruan ilahi dicipta oleh Nur Laila Liyana Yusoff pada tahun 2021. Saiz karya digital ini adalah 16.3 x 23.5mm dan medium yang digunakan adalah catan digital.

Nur Laila mencipta karya Seruan illahi, 2021. Idea yang dihasilkan ini sepenuhnya dari rujukan karya artis seperti Zainon Abdullah, Din Omar dan Mastura Abdul Rahman yang menghasilkan beberapa karya catan. Namun pengkaji menginovasi Teknik yang digunakan pakai kepada catan digital. Pada karya ini, pengkaji menggunakan kombinasi warna panas dan sejuk seperti hijau dan kuning, oren dilihat lebih dominan dalam karya ini. Penggunaan warna hijau pada huruf jawi 'wau' mempunyai makna kedamaian seperti

mana merujuk pada makna Seruan Ilahi bermaksud panggilan dari pencipta. Tambahan lagi, pengkaji juga menggunakan illusi ruang dengan menghasilkan idea karya dari sudut pandangan atas 'top view' sehingga menimbulkan perspektif yang dapat dilihat pada visual dinding dan kayu seri ditengah-tengah karya.

Di dalam karya ini juga, pengkaji mengaplikasikan elemen geometri seperti segi empat tepat yang divisualkan dalam bentuk sejadah serta bulatan yang melingkari ruang tengah pada karya tersebut. Penggunaan elemen geometri ini dalam karya ini adalah sebagai focus point diantara visual yang lain.

Karya Seruan Ilahi merupakan karya sulung pengkaji dalam kajian ini. Seruan Ilahi merupakan sebuah penceritaan hubungan antara makhluk dan raja alam. Di dalam karya ini, pengkaji memaknai setiap hasil yang dikerjakan. Seruan Ilahi bermaksud panggilan, pujukan atau seruan tuhan. Seruan ini boleh diungkapkan sebagai kasih sayang diantara tuhan dan hambanya. Simbolik kasih sayang ini diterjemahkan dalam objek huruf 'wau' yang disusun ke dalam lingkaran bulatan. Wau itu bermaksud gabungan, keinginan atau kesepakatan dalam menemui sesuatu. Objek wau dalam konteks karya seruan illahi adalah bukti cinta diantara tuhan dan hambanya, melalui seruan, panggilan.

Umum mengetahui solat merupakan tiang agama yang dituntut oleh seluruh umat islam untuk mengerjakannya. Solat juga merupakan penyatuan antara ummah dalam Bersatu hati. Sejadah yang dilakarkan di dalam karya merupakan Simbolik penyatuan ini dan ia adalah unsur spritual iaitu keagamaan yang menjadi tradisi buat masyarakat islam untuk menjadikannya sebagai alas tempat bersujud. Susunan sejadah yang dilihat sebaris adalah simbolik kepada penyatuan, dimana islam dituntut untuk merapatkan saf barisan solatnya agar hati-hati mereka sentiasa Bersatu. Seterusnya adalah penggunaan warna, warna hijau, kuning adalah simbolik kepada syurga dan keindahan alam. Warna – warna



ini digunakan untuk menyampaikan ekspresi emosi tentang sebuah ketenangan dan kecintaan terhadap pencipta. Manakala, warna putih melambangkan kesucian.

Karya pertama Seruan Illahi ini Berjaya kerana penghasilannya yang islamik dari segi lengkungan huruf jawi yang dihasilkan bersama dengan warna sejuk seperti biru, putih. Penyatuan warna serta elemen geometri seperti lingkungan bulat pada bahagian tiang serta objek sejadah dapat mewujudkan lagi unsur islamik yang diterapkan. Disamping itu juga, pengulangan objek seperti huruf 'wau' yang menjadi penegasan kepada penceritaan karya Seruan Illahi.



*Artist: Nur Laila*

*Title: Wakaf Cinta*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*


*Figure 10.1: Karya 2*

Wakaf cinta merupakan kesinambungan dari karya pertama yang dihasilkan pada tahun 2021. Saiz karya berukuran 16.3 x 23.5mm dan medium yang diguna pakai adalah digital


Karya Wakaf Cinta ini dihasilkan sepenuhnya dari idea pengkaji yang mana idea ini terhasil dari kajian beliau dan rujukan artis Malaysia seperti Din Omar, Zainon Abdullah, dan Mastura Abdul Rahman. Idea mula berkembang bila melihat karya artis rujukan bermula dari analisis karya tersebut pengkaji mengaplikasikan nak mengolah

Teknik dan komposisi karya yang dihasilkan. Pemilihan warna karya ini seperti warna panas, kuning yang dilihat lebih dominan di dalam karya ini. Warna ini dipilih kerana ia dilihat lebih dekat dengan alam semulajadi Manakala warna lain yang digunakan seperti biru, pink, brown, dan putih. Pemilihan warna -warna dan corak batik ini untuk supaya karya ini dilihat lebih estetik seperti yang dapat dilihat pada corak permukaan dinding wakaf. Untuk mewujudkan ruang optical illusion, pengkaji menghasilkan karya dengan membuat komposisi top view

Selain itu karya ini juga, mengaplikasikan bentuk geometri di dalamnya seperti bentuk segitiga, segi empat dan perulangan bentuk – bentuk di dalam karya. Di samping itu juga, pengkaji turut mengaplikasikan pengulangan huruf jawi ‘wau’ dan objek tapak kaki berwarna biru pada komposisi tangga yang menjadikan ia sebagai objek penegasan di dalam karya Wakaf Cinta. Pengulangan objek boleh dilihat seperti di bawah:



*Figure 10.2: Pengulangan objek tapak kaki dan huruf ‘wau’*



*Figure 10.3: Pengulangan objek geometri*

Karya wakaf cinta merupakan kesinambungan dari karya Seruan Ilahi. Wakaf cinta membawa simbolik kepada persinggahan. Wakaf yang dimaksudkan adalah tempat

persinggahan, namun di dalam karya ini pengkaji memaknai dunia sebagai wakaf. Dunia merupakan tempat persinggahan untuk kesemua makhluk sebelum meneruskan perjalanan yang terakhir. Jika banyak amalan pahalanya, maka baiklah pengakhirannya, jika cintanya manusia terhadap tuhan, maka persinggahan itu akan dimanfaatkan sebaik mungkin sebelum membawa bekal ke akhirat. Warna kuning biru, merah jambu membawa kepada emosi ketenangan.

Subjek 'wau', wau membawa mewakili kecintaan, manakala huruf 'wau' yang berulang pada objek tangga membawa simbolik rahmat yang datang Bersama mereka yang mengkehendaknya, dan objek biru itu mewakili kaki- kaki manusia yang berjuang untuk bersama rahmat allah yang sentiasa berharap perjalanannya bersama pandangan raja semesta. Di dalam karya ini juga, pengkaji mengaplikasikan Elemen geometri. Elemen geometri sering dikaitkan sebagai seni islam, kerana corak dan bilangan yang tersendiri membawa pelbagai maksud. Oleh yang demikian pengkaji mengaplikasikan elemen geometri ke dalam karya seiring dengan tujuan penyampaian karya Wakaf Cinta.

Manifestasi melalui karya Wakaf Cinta dilihat berjaya, karya Wakaf Cinta merupakan kesinambungan bagi karya pertama yang berkisahakan persinggahan sebelum ke dunia abadi. Karya ini dilihat berjaya kerana pengkaji masih mengekalkan unsur islamik di dalamnya. Ini dapat dilihat melalui unsur spiritual iaitu keagamaan yang dapat dilihat pada objek sejadah yang mempunyai elemen motif batik di dalamnya. Selain itu juga, Karya ini juga dilihat lebih berjaya kerana objek geometri yang diterapkan merupakan reka bentuk yang sering digunakan dalam karya seni islam. Bagi penghasilan karya Wakaf Cinta ini dapat dilihat jelas lagi dengan objek Wakaf yang ditonjolkan melalui pandangan 'top view', manakala pengulangan huruf jawi 'wau' menjadikan ianya sebagai penegasan bagi keseluruhan penceritaan karya tersebut.





*Artist: Nur Laila*

*Title: Path i*

*Size: 29.7 x 42.0cm*


*Year: 2021*

*Figure 10.4: Karya 3*


Path I adalah karya ketiga yang dihasilkan oleh pengkaji. Path I merupakan sambungan dari karya wakaf cinta. Path I dihasilkan oleh Nur Laila pada tahun 2021. Karya ini berukuran 16.3 x 25.3 mm dan menggunakan medium digital.

Pengkaji telah menghasilkan karya path I pada tahun 2021. Karya ini dihasilkan oleh idea pengkaji sendiri dan beberapa kajian untuk dijadikan sebagai sokongan karya. Selain itu juga, karya ini juga diinspirasi oleh artis tanah air iaitu Din Omar, Mastura

Abdul Rahman dan Zainon Abdullah. Ketiga -tiga artis ini menghasilkan karya catan. Hasil daripada rujukan artis pengkaji telah mengolah dan mengaplikasikan Teknik artis rujukan untuk menghasilkan karya yang sempurna. Warna memainkan peranan dalam menyampaikan emosi sesebuah penceritaan. Pemilihan warna bagi karya ini dilihat lebih kepada warna panas iaitu kuning, merah, oren dan warna sejuk seperti pink, biru, putih yang menjadi warna dominan. Pemilihan warna-warna ini untuk memberi kesan penghayatan dan emosi kepada penonton. Seterusnya adalah objek utama yang berhuruf jawi ‘alif, lam,ta,way,ba,ta’ pemilihan unsur spiritual iaitu unsur keagamaan supaya penceritaan itu lebih realistik manakala pengolahan bentuk menjadikan karya tersebut lebih estetik ditambah dengan penggunaan warna putih yang melambangkan kesucian dalam agama islam. Tambahan lagi komposisi objek utama yang dilihat lebih dominan diletakkan pada tengah- tengah ruang menjadikan ia sebagai subjek focus point, manakala untuk menimbulkan penegasan dalam karya, pengkaji menghasilkan objek berulang pada bahagian background objek utama iaitu pada huruf ‘wau’ dan objek bulatan kecil



*Figure 10.5: Pengulangan huruf 'wau'*



*Figure 10.6: Pengulangan objek bulat titik kecil*

Dalam karya ini juga pengkaji juga menerapkan unsur budaya iaitu motif batik yang dapat dilihat pada background corak abstrak dihadapan.

Karya ketiga adalah Path i. karya ini pengkaji cuba menyampaikan tentang sebuah perjalanan yang sentiasa diminta untuk memilih diantara yang terang atau gelap. Jika gelap yang dituju, maka gelaplah perjalanannya, jika terang maka begitulah keadaan yang sebaliknya. Di dalam karya tersebut terdapat dua pembahagian yang berada pada komposisi tengah-tengah. Pembahagian yang digariskan dengan jalur putih itu membawa simbolik kepada pilihan. Dalam simbolik itu, pengkaji telah menghayati dan menjelaskan bahawa kehidupan ini manusia akan diberi dua pilihan diantara jalan yang benar atau sebaliknya. Karya asbtrak ini ditafsirkan oleh pengkaji kemudian berkongsi emosi kedalam karya Path i. jika dilihat diantara pembahagian tersebut pada bahagian kiri, ia dilihat emosi nya lebih tenang dan ceria yakni membawa simbolik jalan yang lurus atau benar berbanding bahagian kiri yang kelihatan suram iaitu simbolik kepada jalan yang ingkar kepada kebenaran

Seterusnya adalah bentuk bulatan kecil pada bahagian kiri karya merujuk kepada cabaran atau ujian. Jalan yang lurus itu tidak akan didatangi dengan kesenangan semata, bahkan ia turut diuji untuk mengukur tahap keimanan seseorang. Seperti mana Allah berfirman;

“Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan: kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?” (QS Al-Ankabut:2-3)

Subjek utama yang berhuruf jawi ‘alif,lam,ta,wa,ba,ta’ dipetik dari surah At – Taubah ayat 104 yang membawa maksud:

“Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dia lah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya, dan juga menerima sedekah-

sedekah (dan zakat serta membalasnya), dan bahawa sesungguhnya Allah Dia lah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani? “(Surah At Taubah, ayat 104)

Subjek utama membawa kepada penegasan bagi keseluruhan penceritaan Path I, setiap manusia yang berdosa berhak untuk diampun dan setiap ummat islam itu diseru untuk kembali kepada pencipta meskipun dosa sebanyak buih di laut, namun setiap kesalahan akan diampuni selagi mana seseorang itu menginginkan rahmatnya.

Di dalam karya ini juga, pengkaji memasukkan pengulangan objek yang bernombor 9'. Pengulangan huruf wau itu merujuk simbolik kebenaran. Komposisi huruf tersebut dilihat seakan -akan huruf jawi 'wau'. Simbolik ini diinspirasikan melalui penceritaan kisah benar yang sering ditayangkan di dalam television yang bertajuk 999. Rancangan realiti itu mengisahkan tentang kebenaran yang dirungkai oleh kru-kru untuk menyelidik dan merungkai kebenaran.

Karya ketiga Path I dilihat Berjaya kerana elemen islamik yang dibawa ke dalam karya seperti elemen geometri dan huruf jawi ' alif,lam,ta,wau,ba,ta' yang dilihat lebih dominan dan membawa maksud unsur islamik. Disamping itu, di dalam karya Path I, pengkaji juga menerapkan penggunaan warna – warna syurga seperti biru, putih, kuning yang membawa maksud keindahan dan emosi kedalam penceritaan karya tersebut. Selain itu, untuk mendekatkan karya tersebut dengan masyarakat, pengkaji mengaplikasikan motif batik yang sering menjadi tradisi masyarakat melayu terutamanya dalam pemakaian harian mereka.





*Artist: Nur Laila*

*Title: Path ii*

*Size: 29.7 x 42.0cm*

*Year: 2021*

*Figure 10.7: Path ii, 2021*

Path ii merupakan karya terakhir kesinambungan dari path i yang dihasilkan oleh pengkaji Nur Laila pada tahun 2021. Karya ini berukuran saiz 16.3 x 25,3mm dan medium yang digunakan adalah catan digital.

Path ii merupakan idea sepenuhnya dari pengkaji. Idea ini terhasil berdasarkan kajian yang dilakukan serta artis rujukan yang dilakukan. Teknik dan komposisi karya ini dipengaruhi oleh artis rujukan Zainon Abdullah dan Din omar. Dimana kedua-duanya menghasilkan karya abstrak. Berdasarkan penggunaan warna serta komposisi maka terhasil karya Parth ii. Dalam penghasilan karya, warna memainkan peranan penting dalam menyampaikan emosi dan mesej kepada penonton. Bagi karya kali ini, warna

dominan yang ada pada karya Path ii ialah warna sejuk seperti, light brown, biru, putih, dan hitam. Penggunaan warna ini lebih dominan berbanding warna panas, kuning, oren yang mempunyai warna yang agak cerah sehingga menimbulkan bentuk objek sebaliknya. Seterusnya pengkaji juga mengaplikasikan unsur spritual di dalam karyanya iaitu huruf jawi 'ta,wau,ba,ta' komposisi subjek utama tersebut diletakkan pada bahagian bawah dan menjadikan ianya sebagai objek yang lebih dominan berbanding objek lain. Pengkaji juga ada mengaplikasikan unsur geometri yang dilihat 'disturbe eyes' pada latar belakang objek utama. Manakala, reka bentuk batik dan islamik juga diaplikasikan dalam karya tersebut. Dan yang terakhir adalah, pengulangan objek sebagai subjek penegasan di dalam karya.

Karya terakhir Path ii mengisahkan perjalanan yang terakhir yang akan dilalui oleh semua manusia. Perjalanan ini dipanggil sebagai titian siratul mustaqim. Elemen batik yang berbentuk geometri segi empat merupakan simbolik kepada perjalanan atau lorong yang akan menentukan arah. Dalam pemahaman islam, tuhan telah menyediakan dua tempat tinggal yang didiami oleh manusia - manusia samada syurga atau neraka. Jika banyak amalanya, maka mereka berhak mendiami syurga, namun jika sebaliknya neraka yang menjadi keutamaanya. Dalam karya ini juga, pengkaji mengaplikasikan huruf jawi yang membawa kepada simbolik keagamaan. Sebagai contoh huruf jawi 'ta,wau,ba,ta' dan pengulangan huruf jawi 'wau'. Kedua-dua simbolik ini membawa kepada maksud kepulauan, keinginan untuk bertemu. Manakala, warna sejuk seperti biru, kuning, putih, light blue, light yellow merupakan simbolik kepada rahmat allah sentiasa bersama orang – orang yang mencintai allah, dan bersama di jalanNya.

Karya terakhir ialah Path ii. Karya ini dilihat berjaya kerana elemen yang digunakan mempunyai unsur islamik, sebagai contoh elemen geometri berbentuk bulatan. Geometri juga sering dikaitkan dengan 'islamic art' oleh sebab itu, pengkaji

mengaplikasikan elemen ini bersesuaian dengan jalan penceritaan karya Path ii. Selain itu, karya ini dilihat Berjaya kerana penggunaan warna. Warna biru, kuning hijau dan lain – lain melambangkan rahmat allah dan warna – warna syurga. Tambahan lagi, penggunaan huruf jawi dilihat lebih dominan berbanding objek yang lain serta elemen tersebut dilihat lebih dekat dengan penceritaan yang berunsurkan islamik ini. Seperti keterangan di atas, karya Path ii merupakan penceritaan perjalanan terakhir buat makhluk di muka bumi ini, oleh itu, pengulangan huruf ‘wau’ merupakan simbolik kepada makhluk yang menuju ke siratul mustaqim.

Bil.	Simbolik	Maksud simbolik
1.	Gaya dan konsep	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Ilusi ruang</b> dan <b>motif batik</b> sebagai konsep utama yang dibawa oleh pengkaji.</li> </ul>
2.	Unsur spiritual	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Subjek berbentuk <b>huruf jawi</b>, dan objek yang melibatkan unsur spiritual seperti <b>sejadah</b> yang digunakan oleh orang Islam sewaktu untuk menunaikan ibadah.</li> <li>- Huruf jawi ‘<b>alif,lam,ta,wau,ba,ta</b>’ merupakan Bahasa kitab agama islam ( Al-Quran ) dan diambil melalui potongan ayat quran <b>surah At- taubah ayat 105.</b></li> </ul>
3.	Tradisi/ budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengkaji mengaplikasikan <b>motif batik</b>, yang membawa kepada simbolik tradisi masyarakat Kelantan</li> </ul>

4.	Elemen dalam seni islam	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mengaplikasikan estetik seni melalui <b>bentuk geometri</b> iaitu seperti bulat, segi empat.</li><li>- Bentuk seperti <b>segi empat</b> membawa kepada identiti keagamaan sepertimana yang dilakarkan dalam karya berbentuk sejadah.</li><li>- Bentuk geometri ini juga disimbolikan dalam bentuk segiempat yang membawa maksud kepada perjalanan.</li></ul>
5.	Warna	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengkaji menggayakan <b>warna sejuk</b> seperti biru, putih, merah jambu. Kombinasi warna ini melambangkan pada rahmat dan warna – warna syurga</li><li>- Penggunaan <b>warna panas</b> seperti kuning, merah, oren untuk menimbulkan estetik karya dan menghasilkan interaksi secara emosi ke atas karya yang dilakarkan.</li></ul>

*Table 1.3: Analisis simbolik*



BIL.	PENERANGAN	FAKTA	HURAIAN
	<p><b>TEMA: SERUAN ILAHI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Teknik</li> <li>➤ Subjek utama</li> <li>➤ Objek</li> <li>➤ Size</li> <li>➤ Unsur tempatan (tradisi)</li> <li>➤ Unsur spiritual (bersifat kerohanian)</li> </ul>	<p>Teknik catan digital</p> <p>Motif Batik Kelantan.</p> <p>Geometri, huruf jawi</p> <p>29.7 x 42.0cm</p> <p>I: Rumah</p> <p>Ii: Tiang seri</p> <p>Iii: Batik</p> <p>I: Sejadah</p>	<p>Mengaplikasikan Islamic art pattern bersesuaian dengan penceritaan yang berunsurkan keagamaan. Manakala motif batik mewakili masyarakat di dalam penceritaan karya</p>

	<p><b>TEMA: WAKAF</b></p> <p><b>CINTA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Teknik</li> <li>➤ Subjek utama</li> <li>➤ Objek</li> <li>➤ Size</li> <li>➤ Unsur tempatan (tradisi)</li> <li>➤ Unsur spiritual (bersifat kerohanian)</li> </ul>	<p>Catan digital</p> <p>Motif Batik Kelantan</p> <p>Geometri, motif batik, huruf jawi</p> <p>29.7 x 42.0cm</p> <p>Wakaf, tangga</p> <p>Sejadah dan huruf wau</p>	<p>Mengaplikasikan Islamic art pattern bersesuaian dengan penceritaan yang berunsurkan keagamaan.</p> <p>Manakala motif batik mewakili masyarakat di dalam penceritaan karya</p>
	<p><b>TEMA: PATH I</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Teknik</li> <li>➤ Subjek utama</li> <li>➤ Objek</li> <li>➤ Size</li> <li>➤ Unsur tempatan (tradisi)</li> </ul>	<p>Catan digital</p> <p>Motif batik Kelantan</p> <p>Motif Batik, huruf jawi, geometri</p> <p>29.7 x 42.0cm</p> <p>Batik</p>	<p>Mengaplikasikan Islamic art pattern bersesuaian dengan penceritaan yang berunsurkan keagamaan.</p> <p>Manakala motif batik mewakili masyarakat di</p>


	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Unsur spiritual (bersifat kerohanian)</li> </ul>	Huruf jawi	dalam penceritaan karya
	<p><b>TEMA: PATH II</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Teknik</li> <li>➤ Subjek utama</li> <li>➤ Objek</li> <li>➤ Size</li> <li>➤ Unsur tempatan (tradisi)</li> <li>➤ Unsur spiritual (bersifat kerohanian)</li> </ul>	<p>Catan digital</p> <p>Batik Kelantan</p> <p>Batik, huruf jawi</p> <p>29.7 x 42.0cm</p> <p>Batik</p> <p>Huruf jawi</p>	<p>Mengaplikasikan Islamic art pattern bersesuaian dengan penceritaan yang berunsurkan keagamaan.</p> <p>Manakala motif batik mewakili masyarakat di dalam penceritaan karya</p>

Table 1.4: Analisis karya

## **BAB V**

### **KESIMPULAN**

Secara kesimpulan, kajian ini lebih kepada mengkaji, mengenalpasti dan menghasilkan karya seni catan yang berunsurkan Batik. Sepanjang kajian ini, pengkaji mendapati bahawa banyak pengkarya di Malaysia mengaplikasikan elemen Batik ke dalam Catan mereka seperti Din Omar, Mastura Abdul Rahman, Zainon Abdullah dan lain – lain. Pengkaji juga telah Berjaya mengumpul data kajian bersama dengan penghasilan karya catan yang menjawab kepada tajuk batik digital. Selain itu, pengkaji telah menjumpai beberapa hasil kajian tentang pergabungan diantara Digital Art dan Seni Konvensional ke dalam catan digital. Pergabungan ini telah menghasilkan catan digital bersifat kontemporari dari sudut warna, komposisi, idea dengan menghasilkan 4 buah karya. Oleh itu, bersama dengan penghasilan kajian ini pengkaji mengucapkan ribuan penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam saya menyempurnakan kajian ini iaitu penyelia penyelidikan Encik Haris, rakan – rakan yang telah banyak membantu serta tidak lupa juga, kepada tulang belakang iaitu kedua ibu bapa yang telah memberi semangat untuk pengkaji menyelesaikan kajian kali ini. Diharap dengan jumpaan kajian ini, dapat membantu sedikit sebanyak pengkaji diluar sana untuk meneruskan berkarya dan meneruskan kajian batik yang telah diselesaikan oleh pengkaji.



ARTWORK EXHIBITION



KELANTAN



MALAYSIA

KELANTAN

## RUJUKAN

- i. Afremov, (2018). *Winter Mood, oil painting on canvas*
- ii. AskART, Dato Tay Mo Leong, (2013) *stone flower ii and resting*
- iii. Astro Awani, (2015) *Seni digital*
- iv. Bentuk geometri menurut islam, (2017)
- v. Chekgusempoi,(2012) *Ruang dan perspektif,*
- vi. Fazrul (2013) *seni catan batik*
- vii. Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam Said, Mohd Fauzi Sedon @ M.Dom (2019)  
*Catan Batik Najib*
- viii. Harozila Binti Ramli, (2007). '*Batik Painting*' dan '*Painting Batik*' dalam  
*perkembangan seni lukis moden Malaysia*
- ix. Ilham gallery,(2015), *Love me in my batik*
- x. My metro, Hafiz Ithnim (2020) *motif batik Kelantan*
- xi. Manap.(2019) *ciri – ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik*  
*kontemporari berinspirasi motif abstrak*
- xii. Main street art,(2019) *jenis perspektif dalam seni visual*
- xiii. Nawwal Binti Abdul Kadir.(2003) *Satu kajian tentang reka corak permukaan*  
*kain batik sarung tradisional di negeri Kelantan*
- xiv. NurHafizah Binti Mohd Yusof (2010) *Batik Malaysia*
- xv. Nur Wajihah, Sejarah seni digital, (2010)
- xvi. Nik Adzrieman Abd Rahman. (2013) *sejarah perkembangan industry batik di*  
*Kelantan*
- xvii. Pinar Noorata, (2013). *Painting by Fabio Giampietro*
- xviii. Sejarah Seni Malaysia,(2015)

- xix. Seni itu indah, (2018)
- xx. Seni visual, (2013), *ruang*
- xxi. Shuhairy norhisham (2019), *apakah metodologi kajian*
- xxii. Telagafakir,(2016) *ambiguity ruang*
- xxiii. Tassawuf, rahsia huruf jawi wau, (2011)
- xxiv. Universiti of Malaysia,(2019), Ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik dan kontemporari berinspirasi motif abstrak
- xxv. Wan nurul Hasyati Mohd Pauzi, Tajul Shuhaizam Said, (2018) *Catan Batik Fatimah sebagai Satu Representasi Apresiasi Budaya Nusantara*
- xxvi. Zamrudin Abdullah, Sabzali Musa Khan, Siti Rohaya Yahaya dan Mohammad Radzi

#### Website

<file:///C:/Users/User/Downloads/21232-1309-45565-1-10-20191219.pdf>

[http://eprints.usm.my/35703/1/NAWWAL\\_BINTI\\_ABDUL\\_KADIR\\_%28KHK%29\\_%28NN24%29.pdf](http://eprints.usm.my/35703/1/NAWWAL_BINTI_ABDUL_KADIR_%28KHK%29_%28NN24%29.pdf)

<https://www.hmetro.com.my/WM/2020/08/614092/motif-batik-kelantan>

<http://bmpengurusan.blogspot.com/2010/08/batik-malaysia.html>

<https://www.pascasiswazah.com/apakah-metodologi-kajian/>

<https://www.slideshare.net/mohamadfaz/seni-catan-batik>

<file:///C:/Users/User/Downloads/2287-Article%20Text-3744-1-10-20190501.pdf>

<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/download/2227/1550/>



[http://eprints.usm.my/10127/1/%E2%80%98BATIK\\_PAINTING%E2%80%99\\_DAN\\_%E2%80%98PAINTING\\_BATIK%E2%80%99\\_DALAM\\_PERKEMBANGAN\\_SENI\\_LUKIS\\_MODEN\\_MALAYSIA.pdf](http://eprints.usm.my/10127/1/%E2%80%98BATIK_PAINTING%E2%80%99_DAN_%E2%80%98PAINTING_BATIK%E2%80%99_DALAM_PERKEMBANGAN_SENI_LUKIS_MODEN_MALAYSIA.pdf)

<https://mymodernmet.com/fabio-giampietro-vertigo/>

<https://afremov.com/winter-mood.html>

[https://www.askart.com/artist\\_related/Dato\\_Tay\\_Mo\\_Leong/11230954/Dato\\_Tay\\_Mo\\_Leong.aspx](https://www.askart.com/artist_related/Dato_Tay_Mo_Leong/11230954/Dato_Tay_Mo_Leong.aspx)

<https://chekgusempoi.wordpress.com/2012/05/25/ruang-dan-perspektif/>

<http://senivisual1.blogspot.com/2013/06/ruang.html>

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/21232>

, <http://www.ilhamgallery.com/bm/batik-artists/>

<https://may.mainstreetartisans.com/4120489-kinds-of-perspectives-in-the-visual-arts-ways-to-get-a-perspective-image>

<https://ms.active-artists.com/2955169-linear-perspective-drawings-principles-from-two-art-experts-in-the-field>

<https://ms.eferrit.com/apakah-perspektif-dalam-seni/>

<http://zainonabdullah.blogspot.com/2016/12/ambiguity.html>

<http://cikguhafizsenivisual.blogspot.com/2015/12/info-seni-catan-sejarah-aliran-seni.html>

<http://mozais63.blogspot.com/2018/04/normal-0-false-false-false-en-my-x-none.htm>

<https://ashikint21.wordpress.com/2017/12/04/corak-geometri-dalam-islam/>

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/seni-digital-buka-ruang-bebas-berkarya-54342>

<https://nurwajihah.weebly.com/sejarah-seni-di-malaysia.html>

<https://mistikus-sufi.blogspot.com/2017/06/rahasia-huruf-wau-dalam-tasawuf.html>

[https://www.researchgate.net/publication/305256175\\_Sejarah\\_perkembangan\\_industri\\_batik\\_di\\_Kelantan](https://www.researchgate.net/publication/305256175_Sejarah_perkembangan_industri_batik_di_Kelantan)

Kathleen Chee. (2006)

SPM focus U: Pendidikan Seni Visual

Bandar Baru Bangi:

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Kementerian Pelajaran Malaysia (1998).

Buku sumber guru Pendidikan Seni

*Kukurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*

Pustaka

Kementerian Pelajaran Malaysia (2003).

*Huraian Sukatan Pelajaran Kukurikulum*

*Bersepadu Sekolah Rendah Pendidikan Seni*

Pustaka

Kementerian Pelajaran Malaysia (2000).

*Sukatan Pelajaran Kukurikulum*

*Bersepadu Sekolah Rendah Pendidikan Seni*

Pustaka

Syed Ahmad Jamal (1992),

*Rupa dan Jiwa*

